



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
SAYYIDA BEEVI M.SHAHUL HAMEED,
DIVA DANGDUT MALAYSIA
MENGENAI LATAR BELAKANG BELIAU SEBAGAI ARTIS VETERAN
PADA TAHUN 80-AN**

NUR ATIKAH FARIZA BINTI JAAFAR

(2019627474)

SEMESTER OKTOBER 2021- FEBRUARI 2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL
BERSAMA SAYYIDA BEEVI
M.SHAHUL HAMEED, DIVA
DANGDUT MALAYSIA
MENGENAI LATAR BELAKANG BELIAU SEBAGAI ARTIS
VETERAN PADA TAHUN 80-AN**

NUR ATIKAH FARIZA BINTI JAAFAR

(2019627474)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021- FEBRUARI 2022

ISI KANDUNGAN	
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI ABREVIASI	iii
SENARAI SINGKATAN	iv
RUJUKAN KATA	v
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	1
1.1 PENEMUBUAL	1
2.0 BIODATA TOKOH	2
2.1 BIODATA TOKOH	2
2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH	2
3.0 SEJARAH LISAN	4
3.1 PENGENALAN	4
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN	5
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN	5
3.3.1 INDIVIDU	5
3.3.2 MASYARAKAT	6
3.3.3 INDUSTRI SENI	6
4.0 KAJIAN LITERATUR	8
4.1 INDUSTRI MUZIK	8
4.2 ARTIS VETERAN	9
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH	11
6.0 LOG TEMUBUAL	62
7.0 RALAT	71
8.0 GLOSARI	72
9.0 INDEKS	74
10.0 BIBLIOGRAFI	77
11.0 LAMPIRAN	79
11.1 BIOGRAFI TOKOH	79
11.2 SURAT PERJANJIAN	81
11.3 SENARAI SOALAN	82
11.4 DIARI PENYELIDIKAN	87
11.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN	93

ABSTRAK

Transkrip ini adalah kerangka awal kepada aspek pengkisahan artis veteran dalam perkembangan genre dangdut di Malaysia. Tidaklah terlalu banyak penulisan yang memfokuskan kepada pendokumentasian sejarah lisan melalui artis veteran yang dipilih ini. Dangdut sendiri adalah sebuah genre tarian dan muzik rakyat yang unik dengan menampilkan paluan tabla dan gendang mengikut rentak iramanya tersendiri. Oleh yang demikian, istimewanya genre dangdut ini menunjukkan bahawa tidak semua orang mampu membawa irama tersebut. Seperti diva dangdut Malaysia ini, beliau mula komersial dan popular pada pertengahan era 90-an dengan lagu berjudul Angkat Kaki yang mengangkat nama beliau dalam genre dangdut. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh, projek sejarah lisan ini juga turut merungkai asam garam kehidupan Puan Sayyida Beevi M. Shahul Hameed selama berkecimpung dalam industri hiburan tanah air ini. Kajian ini juga bukan sahaja menerusi tokoh sendiri, malah ianya turut diperolehi daripada sumber-sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini diharapkan masyarakat luar terutamanya generasi akan datang dapat mengenali lebih lanjut dan lebih mendalam tentang irama dangdut yang cuba diketengahkan oleh tokoh.

KATA KUNCI

Genre, Rock, Diva Dangdut Malaysia, Dangdut Indonesia, Artis Veteran

PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah hirrabil'alamin, saya merafakkan sepenuh kesyukuran kehadiran ilahi dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyelesaikan tugas ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan dengan jayanya. Saya menjulang sepenuh penghargaan kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin, pensyarah bagi subjek Oral Documention (IMR 604) di atas kesudian beliau memberi tunjuk ajar dan nasihat sepanjang proses menyiapkan tugas ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Sayyida Beevi Binti M. Shahul Hameed (Sheeda Hamid) iaitu merupakan seorang artis veteran pada tahun 80-an kerana sudi ditemu ramah berkongsi perjalanan karier beliau sepanjang berkecimpung di dalam industri seni tanah air.

Selain itu, saya turut bersyukur didampingi rakan-rakan yang banyak membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses merealisasikan tugas ini. Terima kasih tidak terhingga juga saya ucapkan kerana sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang telah anda salurkan amat saya hargai.

Penghargaan ini juga saya dedikasikan buat ibu bapa saya kerana mereka sentiasa menitipkan doa-doa untuk keberkatan saya di sini. Mereka juga banyak menyokong saya dari segenap rohani dan kewangan untuk menghasilkan tugas bermutu ini.

Sebelum menutup bicara, saya ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembikinan tugas ini secara sulit ataupun tidak. Kesudian anda amat saya hargai.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
Astro	All-Asian Satellite Television and Radio Operator
BBNU	Budak-budak baru nak up
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
FB	Facebook
GV	Gegar Vaganza
IG	Instagram
RTM	Radio Television Malaysia

SENARAI SINGKATAN

NAF: Nur Atikah Fariza Binti Jaafar

NRM: Nur Ruzana Binti Mokhtar

SH: Sayyida Beevi M.Shahul Hameed

HR: Hafizul Razli

RUJUKAN KATA

Bila	Apabila
Buat	Membuat
Condo	Condominium
Dah	Sudah
Diaorang/Diorang	Mereka
Dok	Duduk
Gabra	Cuak
Heran	Hairan
Ikot	Ikut
Jadi	Menjadi
Je	Sahaja
Kat	Dekat
Kitaorang	Kami
Nak	Hendak
Ni	Ini
Pastu/Lepastu	Selepas itu
Slack	Kesalahan
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Takpe	Tidak mengapa
Tang	Di mana
Tapi	Tetapi
Taw	Tahu
Tu	Itu

BIODATA
PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL



NAMA	Nur Atikah Fariza Binti Jaafar
TARIKH LAHIR	22 Oktober 1999
TEMPAT LAHIR	Hospital Besar Melaka
ALAMAT	Jasin, Melaka
NO. TELEFON	011-31772860
EMEL	farizjaef@gmail.com
PROGRAM	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



NAMA	Sayyida Beevi Binti M. Shahul Hameed
NAMA SAMARAN	Sheeda Hamid
TARIKH LAHIR	21 Januari 1964
TEMPAT LAHIR	Tumpat, Kelantan
ALAMAT	Kelantan, Malaysia
NO. TELEFON	011-11487504
EMEL	queenfaaz@gmail.com
PROFESION	Dangdut & Pop
BIDANG	Nyanyian

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Puan Sayyida Beevi binti M. Shahul Hameed dilahirkan pada 21 Januari 1964 di Tumpat, Kelantan. Beliau juga lebih dikenali sebagai Sheeda, merupakan seorang penyanyi era 80an yang mula komersial dan popular pada pertengahan era 90an di Malaysia. Selain itu, Sheeda juga sinonim dengan gelaran Diva Dangdut Malaysia oleh peminat-peminatnya, SheedaDanz. Beliau merupakan anak keenam daripada lapan adik-beradik. Bintang dangdut Malaysia ini juga pernah berkahwin sebanyak 2 kali iaitu bersama Razli Hussein merupakan salah seorang ahli kumpulan Desire sebelum beliau berkahwin dengan seorang jejaka muda iaitu Sukri Hashim yang merupakan seorang guru sekolah. Hasil daripada perkahwinannya terdahulu, beliau telah dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu Hafizul Razli, Nor Razlinda Razli (Bienda) dan Nurfazlinda Fazli manakala bersama Sukri pula beliau telah dikurniakan seorang cahaya mata lelaki iaitu Muhammad Aiman. Namun pada sekitar penghujung tahun 2019, Sheeda telah mendedahkan secara rasmi menerusi temubual eksklusif dilaman

YouTube Wafa TV bahawa beliau dan Sukri telah pun bercerai. Kini, beliau kembali menjalani kehidupan solo semula bersama anak-anak tersayang.

Beliau telah bergiat aktif dari tahun 1988-an sehingga kini dan sentiasa membawa genre atau irama dangdut dan pop. Pada tahun 2015, beliau telah menyertai program reality Gegar Vaganza Musim Ke-2 dan tahun berikutnya beliau telah dilantik sebagai Timbalan Presiden Persatuan Bintang Dangdut Malaysia. Sebelum menjadi artis rakaman Sheeda terlebih dahulu menimba pengalamannya di Kelab Dangdut Sejati yang terletak di KLCC dalam usahanya untuk mengasah bakat nyanyiannya. Pada tahun 1994, perjalanan seni Sheeda mula berubah apabila beliau telah menerima tawaran komposer Iwan untuk bergelar artis rakaman. Manakala pada tahun 1995 Sheeda telah menandatangani kontrak bersama Warner Music dan muncul dengan album pertama beliau iaitu Angkat Kaki. Sheeda kemudiannya muncul dengan album ronggeng tahun 2000 dan Inikah Cinta pada tahun 2005 dan beberapa album kompilasi.

Antara pencapaian yang diraih menerusi album yang dikeluarkan adalah anugerah platinum album 'Angkat Kaki' yang terjual lebih 100.00-unit, double platinum menerusi album kompilasi 'Puteri Dangdut' pada tahun 1999 dan hadiah triple platinum untuk album kompilasi 'Dang Dang Dut' pada tahun 1998 yang terjual sebanyak 450.00.00 unit. Beliau juga pernah memenangi Anugerah Industri Muzik (AIM) pada tahun 1996 iaitu bagi kategori artis baru wanita terbaik di tempat ke-5 dan album pop tradisional terbaik menerusi album angkat kaki. Manakala beliau juga turut memenangi anugerah di Muzik-Muzik TV3 iaitu separuh akhir muzik-muzik menerusi lagu angkat kaki dan separuh akhir muzik-muzik 11 menerusi dua buah lagu iaitu 'Sini Cinta Sana Cinta' (duet bersama Amelina) dan juga 'Buaya Darat'.

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan pada umumnya adalah suatu cara bagi mendapatkan keterangan sejarah yang berbentuk lisan, untuk menambah dan bukan untuk menggantikan sumber-sumber bertulis, yang ada seperti rekod, surat-surat, catitan harian dan apa-apa sumber bertulis yang berkaitan, yang telah dihasilkan dalam jangkawaktu yang berkenaan (Dixon Elizabeth I & James V. Mink, 1969). Selain itu, sejarah lisan boleh menjadi cara untuk mengubah kandungan dan tujuan sejarah, iaitu mengubah fokus sejarah dan membuka bidang penyelidikan baharu (Paul Thompson, 2018). Ini kerana rakaman sejarah lisan membantu pendengar untuk lebih memahami bagaimana individu daripada perspektif yang berbeza dan status sosial yang berbeza menghadapi pelbagai kehidupan pada zaman mereka, daripada kehidupan seharian hinggalah kejadian bencana. Melalui penyimpanan yang teliti, rakaman membawa kesaksian masa kini ke masa hadapan, dan melalui rancangan dan penerbitan kreatif, mereka boleh memaklumkan, membimbing dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang (Baylor University Institute, 2016).

Bidang sejarah lisan ini setua zaman purba, apabila Herodotus merakamkan banyak kisahnya daripada cerita yang didengarinya dan wawancara yang dilakukannya dalam pengembaraannya, yang dianggap penting pada masa lalu, jadi beliau dianggap sebagai "Bapa Sejarah atau Sejarawan" dan perintis dalam bidang ini (Starr, 1984). Berkaitan dengan ini, kita dapat mengetahui bahawa tujuan sejarah lisan ini adalah untuk mengumpul kenangan dan pengalaman peribadi watak sumber atau watak yang mempunyai nilai penting dalam sejarah tertentu. Malah, menurut Nadzan Haron (2012), sejarah lisan juga bertujuan menghasilkan dokumen lisan dalam bentuk rakaman atau transkrip daripada bukti asli, bukti saksi, bukti audio, atau tradisi lisan. Perkara ini membawa kepada pentingnya penggunaan sejarah lisan sebagai salah satu cabang sejarah bagi mendapatkan sumber bertulis dan sumber arkeologi dalam pengkajian sesebuah sejarah. Sejarah lisan juga memainkan peranan sebagai pelengkap kepada sumber-sumber sejarah dan menjadi sumber yang menyokong kepada sumber-sumber primer yang lain (Hazman Azhar, 2013).

Secara umumnya, sejarah lisan adalah bertujuan untuk mengungkap sesuatu penceritaan disebalik kepercayaan cerita rakyat yang sering kali diceritakan secara turun temurun bagi menghasilkan satu dokumen lisan ke dalam bentuk rakaman atau

transkrip di mana ia mempunyai nilai yang penting dalam sesuatu pembentukan sejarah terutamanya di Malaysia (Pusat Sejarah Lisan, UKM, 2017). Sejarah lisan juga telah menjadi penghubung utama dalam mewujudkan pemahaman antara masyarakat dengan berbilang bangsa dan di kalangan semua generasi menjadi penggerak masyarakat untuk lebih menyedari sejarah mereka sendiri (Siti Raudhah, Radia Banu et al, 2012). Dokumentasi sejarah lisan malah memberi banyak kelebihan kepada organisasi seperti Arkib Negara Malaysia yang berfungsi bagi memelihara dan mengumpulkan pengetahuan yang berharga daripada tokoh atau orang sumber yang mempunyai pengetahuan dan pengalamannya sendiri.

Ringkasnya, sejarah lisan sebegini memainkan peranan yang amat penting dalam merekodkan semula peristiwa-peristiwa lampau khususnya rekod-rekod yang telah hilang atau musnah. Ini membuktikan kepentingan mengisi ruang yang terdapat dalam bahan bertulis, dan juga boleh berfungsi sebagai sokongan tambahan untuk bukti sejarah bernilai tinggi yang direkodkan sebelum ini. Oleh itu, ia juga boleh dilihat sebagai motivasi dan pemangkin kepada penyelidik yang menjalankan kajian melalui temu bual sedia ada (Nadzan, 1979).

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji bagi memenuhi objektif-objektif yang berikut:

- Untuk mendokumentasikan pengkisahan artis veteran yang dipilih sebagai kenangan di masa akan datang.
- Untuk menambahkan koleksi pendokumentasian sejarah lisan melalui artis veteran yang dipilih sebagai sumber rujukan.
- Untuk mendokumentasikan perkembangan genre dangdut di Malaysia.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

3.3.1 INDIVIDU

Sumbangan kajian ini kepada individu adalah ia memberi peluang untuk mereka belajar tentang sejarah mereka malah mereka boleh menulis sejarah itu semula. Kajian sejarah lisan ini juga mengembalikan sejarah itu kepada seseorang individu itu secara lebih dekat sehinggakan mereka mampu memperluaskan visi mereka terhadap sejarah lisan serta lebih peka untuk menyatakan diri mereka dengan lebih

mendalam. Perkara ini disebabkan sumber sejarah lisan adalah bergantung kepada selama mana kekuatan ingatan yang terdapat pada individu-individu berkenaan dan lazimnya sumber lisan yang diperolehi mempunyai unsur-unsur bias, emosi dan reaksi terhadap peristiwa yang diceritakan (Ahmad, 1987:19). Sebagai contoh, keterangan saksi mata yang terselamat daripada serangan Bukit Kepong itu telah membuatkan Jins Shamsuddin selaku individu yang bertanggungjawab untuk sebuah penghasilan filem berjaya menghasilkan skrip yang membolehkan semua pihak berpuas hati.

3.3.2 MASYARAKAT

Sumbangan kajian ini terhadap masyarakat adalah berperanan untuk membina semula peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang atau dimusnahkan. Dengan kata lain, sejarah lisan ini akan menentukan perkembangan-perkembangan dan detik-detik sejarah dapat dilihat oleh masyarakat akan datang sebagai bukti sejarah yang bermakna. Malahan, dengan pemahaman yang terjalin antara masyarakat dengan ahli sejarah, ia boleh menimbulkan rasa kebersamaan pada sesuatu tempat dan masa. Tambahan pula, sejarah lisan juga mampu mencabar lagenda atau sejarah yang telah diketahui oleh masyarakat dan ini akan membuka ruang kepada perubahan dalam pengertian sosial terhadap sejarah (Siti Roudhah Mohamad Saad, et al, 2012). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan sejarah lisan akan memberikan satu pemahaman yang akan memantapkan lagi historiografi tanah air tercinta kita bukan sahaja untuk pengertian semula generasi lalu, bahkan untuk tatapan generasi kini dan yang akan datang.

3.3.3 INDUSTRI SENI

Sumbangan kajian lisan kepada industri seni adalah dari segi pemantapan semula industri seni melalui peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh tokoh atau artis veteran. Secara ringkasnya, melalui sejarah lisan ini rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa yang mungkin dianggap sebagai sensitif dan privasi dapat dilengkapkan melalui temubual yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini kerana, sejarahwan juga tidak boleh hanya bergantung kepada sumber primer dan sekunder sahaja tetapi sebaliknya mereka perlu melakukan usaha-usaha mengumpul maklumat sejarah lisan yang masih banyak terdapat pada generasi tua di Malaysia

(Rozeman, 2004). Perkara ini juga disebabkan dokumentari mengenai artis veteran dalam bidang seni ini tidak dirakam ataupun direkod semula telah menyebabkan penambahbaikan sumber sejarah yang ada pada zaman sekarang dan seterusnya tidak dapat meliputi pelbagai bidang. Oleh itu, melalui kajian yang pengkaji jalankan ini diharapkan dapat memberi impak penambahbaikan yang baik dalam industri seni mengenai artis veteran ini kerana dokumen sejarah akan terus kekal selama-lamanya, tetapi mereka yang mengalami peristiwa sejarah tidak akan kekal selama-lamanya.

**KAJIAN
LITERATUR**

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 INDUSTRI MUZIK

Secara umumnya, industri muzik boleh ditakrifkan sebagai semua pihak yang terlibat dalam penciptaan, persembahan, promosi dan pengurusan perniagaan muzik (R. Adrian & W. Ben, 2017). Perbezaan antara memanggil rangkaian rakan kongsi perniagaan ini sebagai "industri muzik" dan bukannya "perniagaan muzik" adalah lebih berdasarkan stigma yang dikaitkan dengan istilah terakhir daripada sebarang perbezaan teknikal. Sebabnya, label komersial muzik yang sering digunakan suatu ketika dahulu digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, yang hanya mahu mengaut keuntungan berlebihan daripada hasil kerja mereka. Oleh itu, telah wujudnya pelbagai organisasi yang bertujuan untuk melindungi hak pemuzik, composer dan juga penghibur. Walaubagaimanapun, jika dibandingkan dengan sektor perkilangan atau pembuatan, industri muzik tetap tidak mempunyai struktur rangkaian pembekal yang statik dan pengeluaran yang seragam tetapi hanya berubah berdasarkan pengeluaran sesuatu muzik atau album itu sendiri (Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia, 2005).

Pengertian dan fungsi muzik dalam kehidupan bersifat pelbagai kerana muzik adalah salah satu unsur dalam kehidupan yang sangat anjal. Campbell (1995) mendefinisikan muzik sebagai seni yang memfokuskan kepada pendengaran atau aural. Muzik juga merupakan bunyi yang disusun secara sistematik dengan kualitinya yang tersendiri. Di samping itu, sejak zaman Yunani, muzik telah dianggap sebagai medium ekspresi sosial yang sangat asas dalam kehidupan manusia. Dalam mitologi Yunani, sembilan muses adalah dewi yang mencerahkan kesusasteraan, sains dan seni, dan merupakan sumber pengetahuan yang terkandung dalam puisi, lagu dan mitologi dalam budaya Yunani (Wu Mingren, 2020). Selain itu, seni muse juga ditakrifkan sebagai bentuk seni yang menggunakan bunyi dan diam sebagai medium. Unsur-unsur ini biasanya pic (mengawal melodi dan harmoni), irama (dan konsep berkaitan irama, rentak danimbangan), dinamik, dan kualiti bunyi warna dan tekstur (mousike; "the art of the muse"). Manakala, orang Islam Arab pula mentakrifkan muzik sebagai '*art which the noblest minds in Islam believed to be capable of being informed with and ennobled by thought, and in turn to adorn and enforce thought, and to be thus understood and felt*' (M.M.Sharif, 1966: 1125). Sharif (1966) juga merumuskan bahawa muzik adalah alat

mendekati masyarakat dan menjadi sebahagian daripada unsur dalam kehidupan masyarakat.

Muzik juga turut dikelompokkan sesuai kegunaannya iaitu menerusi muzik seni, muzik popular dan muzik tradisional yang setiap satunya mempunyai jenis *genre* yang berbeza (Gst. Ayu Vida Mastrika Giri, 2017). *Genre* muzik adalah label yang digunakan oleh manusia untuk mengelompokkan dan mendekripsikan dunia muzik yang luas. Sehubungan dengan itu, *genre* muzik tidak memiliki definisi dan batasan yang tegas kerana *genre* muncul melalui interaksi yang kompleks antara masyarakat, pemasaran, sejarah, dan faktor budaya (Tzanetakis & Cook, 2002). Antara genre muzik yang popular ketika dahulu adalah irama dangdut. Dari segi sejarah, irama dangdut ini dipengaruhi oleh muzik India melalui filem-filem Bollywood yang dibawakan oleh Ellya Khadam dengan lagunya “Boneka India”, dan lahirnya irama dangdut ini pada tahun 1968 dengan tokoh utama Rhoma Irama. Malahan sejak tahun 1970-an dangdut boleh dikatakan telah matang dalam bentuknya yang kontemporer sehinggakan sangat terbuka terhadap pengaruh bentuk muzik lain mulai dari keroncong, langgam, degung, gambus, rock, pop dan bahkan *house music* (Richard Gehr, 1991).

4.2 ARTIS VETERAN

Artis merujuk kepada seseorang yang kreatif atau inovatif atau mahir dalam bidang seni tertentu. Seniman ialah seorang artis yang terlibat dalam mencipta seni, termasuk pelbagai bentuk seni. Sebagai contoh, seorang pemuzik atau pelukis boleh dipanggil artis. Perkataan artis juga digunakan untuk menggantikan perkataan artis dan pelakon pada tahun 1980-an kerana ia lebih menarik dan berubah mengikut peredaran masa. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), artis ialah seorang yang kerja atau hobinya mencipta karya seni khususnya lukisan, dan artis seperti penyanyi dan penari. Menurut kamus lagi, penyanyi atau pemuzik yang merakamkan persembahan mereka di syarikat rakaman di bawah kontrak tertentu juga adalah artis. Manakala bagi artis veteran pula ianya membawa gelaran yang digunapakai apabila seseorang artis itu sudah bersara dari bidang diceburinya sebagai contoh seorang penyanyi yang tidak lagi berada dalam industri muzik (Malaysiakini, 2018). Menurut Kamus Besar (2018), artis veteran juga merupakan seseorang yang sudah banyak pengalaman dalam suatu bidang tertentu dan sudah tidak aktif dalam kegiatan atau organisasi. Takrifan ini turut disokong oleh Ramlah Ram (2018), apabila beliau merasakan adalah tidak wajar untuk

melabelkan dirinya sebagai artis veteran kerana masih aktif menghiburkan peminatnya dengan lagu-lagunya, tetapi sebaliknya beliau lebih suka digelar sebagai otai atau legenda kerana ianya ibarat kehadiran atau nama seseorang itu akan sentiasa diingati buat selama-lamanya.

Selain itu, peranan artis lama perlu dititikberatkan untuk mengimbangi muda dan tua (Datuk Yusof Haslam, 2019). Pada pendapat beliau, ini bukan untuk mendewakan artis lama atau menolak artis muda, tetapi fokus kepada situasi menang-menang, kerana tiada yang baharu tanpa yang lama. Menurut Datuk Rosyam Nor (2019), adalah penting untuk memberi peluang kepada artis senior yang telah memberikan sumbangan besar kepada industri, kerana tugas yang disiapkan mestilah kelihatan realistik dan tidak akan dipertikaikan pada masa hadapan. Bagaimanapun, beliau turut menggesa artis senior berdepan trend media terkini seperti menggunakan media sosial sebagai medium mempromosikan diri kepada masyarakat. Manakala, menurut Datuk Jamal Abdillah (2017), menyatakan golongan artis veteran tidak sepatutnya terlalu mengharap sumbangan dari pihak tertentu semata-mata untuk meneruskan kehidupan mereka, Melalui pernyataan ini dapat kita lihat yang mana Datuk Jamal Abdillah menyeru artis veteran untuk lebih menjaga kepentingan diri mereka seperti cuba mengubah nasib mereka dengan beralih arah kepada bidang lain sebagai contoh perniagaan kecil-kecilan demi kelangsungan hidup mereka.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis veteran pada tahun 80-an. Bersama-sama kami ialah Puan Sayyida Beevi binti M.Shahul Hameed yang merupakan seorang diva dangdut Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 November 2021 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 2:30 petang bertempat di Skyawani Residensi. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Atikah Fariza binti Jaafar dan juga Nur Ruzana binti Mokhtar. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NAF: (Bertanya sambil membuat pergerakan tangan dan memandang ke arah tokoh)
Okey kita akan mulakan dengan soalan temubual yang pertama iaitu bolehkah puan menceritakan latar belakang diri puan?

SH: (Bercerita sambil membuat pergerakan tangan dan memandang ke arah penemubual) Okey emm sebenarnya dalam industri nama saya digelar Kak Sheeda lah okey, nama sebenar tu [itu] bukan semua orang tahu okey dan soalan tentang pengenalan diri lah kan Kak Sheeda ni [ini] dah [sudah] lebih daripada dua puluh tahun lebih [20 ±] dah [sudah] berkecimpung dalam industri nyanyian ni [ini] lah sebelum tu [itu] Kak Sheeda *perform* dengan *band* kan dengan suka-suka dulu ada *perform* bila [apabila] orang ada *jamming* apa semua Kak Sheeda *join* sebelum Kak Sheeda jadi [menjadi] penyanyi yang *recording* Kak Sheeda pernah ikut *band* pernah *one man show* dengan *keyboardist* bersama Sudirman [Dato' Sudirman bin Arshad], Ella & The Boys lepastu [selepas itu] Kak Sheeda berpindah ke banyaklah pengalaman Kak Sheeda cari apa yang sesuai dengan Kak Sheeda yang betul-betul. So apabila Kak Sheeda *perform* daripada Kuantan selama setahun lebih Kak Sheeda berpindah pada KL, kat [dekat] KL Kak Sheeda nyanyi di sebuah kelab sekarang ni [ini] KLCC atas dia dulu ada ada kelab kat [dekat] bawah tu [itu] bawah tanah *so* dekat situ Kak Sheeda *confirm* Kak Sheeda mengenali irama dangdut sebab kebetulan irama dangdut ni [ini] - - *band* tu [itu] yang mengiringi Kak Sheeda tu [itu] kebanyakannya semua daripada Indonesia *so* diorang [mereka] betul-betul main *pure* dangdutlah jadi kat [dekat] situ Kak Sheeda belajar...dan sebelum Kak Sheeda datang aaa... apa menyanyi lagu irama dangdut ni [ini] Kak Sheeda memang ada basic-basic sikit-sikitlah sebab masa di kampung Kak Sheeda memang menyanyi di RTM [Radio Televisyen Malaysia] Kelantan [Malaysia] kan Kak Sheeda asal Kota Baharu [Kelantan] diorang [mereka] penerbit tu [itu] memang bagi [memberi]

lagu-lagu yang sesuai dengan suara Kak Sheeda kat [dekat] diorang [mereka] lah memang dangdutlah especially lagu-lagu Zaleha Hamid [Siti Zaleha binti Abdul Hamid] kan jadi bila [apabila] Kak Sheeda pergi situ Kak Sheeda berminat bila [apabila] Kak Sheeda masuk kat [dekat] kelab tu [itu] Kak Sheeda berminat tengok diorang [mereka] main lagu dangdut so kat [dekat] situ Kak Sheeda belajar - -, belajar dangdut selama - -, selama setahun jugalah setahun Kak Sheeda berada di situ pelanggan-pelanggan dia memang setiap malam dia punya *collection* pun boleh kata dua tiga puluh ribu [20000-30000] juga satu malam maksudnya *crowded* gila sebab band kan main dangdutkan ramai orang suka jadi [menjadi] selama setahun Kak Sheeda berpengalaman kat [dekat] situ macam-macam *offer* datang masa tu [itu] datang Ahmad Nawwab, datang Iwan - -, Iwan dangdut dan datang juga arwah Adnan Abu Hassan offer untuk jadi [menjadi] *recording artist* so Kak Sheeda rasa Kak Sheeda pilih Iwan sebab Iwan memang bersesuaian dengan irama yang Kak Sheeda untuk nyanyi ketika itulah jadi Kak Sheeda setuju lah *sign contract* dengan dia tapi [tetapi] dia *slow* sikit masa tu [itu] sebab ikut *turn* masa tu [itu] kan masa tu [itu] Ramlah Ram tengah meletop dengan lagu ‘Selamat Jalan Romeo’ so projek dia terlampau banyak bila [apabila]meletopnya satu artis dengan irama dangdut ni [ini] so ramai orang kejar dia Kak Sheeda punya album ni [ini] *take time* lah buatnya [membuatnya] sebabnya terlalu ramai di mana dia nak [hendak] buat [membuat] album second Ramlah Ram lepastu [selepas itu] banyak projek-projek yang dia dapat so keluarlah irama dangdut Kak Sheeda yang pertama dengan album ‘Angkat Kaki’ bersama Iwanlah so masa tu [itu] Kak Sheeda rasa sepatutnya lagu target Kak Sheeda adalah ‘Buaya Darat’ dalam single tu [itu] lah tapi [tetapi] oleh kerana lagu ‘Buaya Darat’ ni [ini] menjadi sensitive lah pada lelaki bila [apabila] sebut buaya daratkan so RTM [Radio Televisyen Malaysia] tak [tidak] benarkan so lagu yang kedua nasib baik Kak Sheeda ada lagu “Angkat Kaki” bila [apabila] keluar lagu “Angkat Kaki” radio main hari-hari, hari-hari *push all out* kan masa tu [itu] Kak Sheeda bersama Warner Music satu *company* yang cukup besar di mana artis-artis dangdut semua dekat situ...

NAF: di bawah (sambil mengangguk)...

SH: di bawah level aaa (sambil berfikir)...

NAF: Warner Music (sambil mangangguk)

SH: (Ber cerita sambil membuat pergerakan tangan dan memandang ke arah penemubual) Warner Music. So masa tu [itu] tahun sembilan puluh [1990] Kak

Sheeda start buat [membuat] album tahun sembilan puluh enam [1996] *so* selama sembilan puluh enam [1996], sembilan puluh tujuh [1997], sembilan puluh lapan [1998] tu [itu] irama Kak Sheeda lah Kak Sheeda memang *hot* lah dengan irama dangdut boleh dikatakan kalau sebulan tu [itu] Kak Sheeda takde [tiada] duduk kat [dekat] rumah *show* masa tu [itu] memang *pack* gila itu masa tu [itu] macam goreng pisang larislah lepastu [selepas itu] diikuti dengan album-album lainlah bila [apabila] dangdut tu [itu] maksudnya menjadi *so company* Kak Sheeda tu [itu] Warner Music buat [membuat] lagi *bonus track* bersama dengan Amalina 'Di sana Cinta Di sini Cinta' meletop lepastu [selepas itu] buat [membuat] lagi dalam album Puteri Dangdut *bonus track* juga Kak Sheeda nyanyi dengan dia 'Secangkir Madu Merah' pun meletop *so* masa tu [itu] Kak Sheeda *duet* pula dengan Iwan 'Gadis atau Janda' meletop *so* masa tu [itu] Kak Sheeda ada juga lagu yang tengah *hit* lah *so* tu [itu] sebab Kak Sheeda cakap kami artis-artis dangdut daripada Warner Music memang tak [tidak] lengan maksudnya tak [tidak] menang tanganlah maksudnya *show* kami setiap hari.

NAF: jadual pack lah (sambil mengangguk)

SH: (Bercerita sambil membuat pergerakan tangan dan memandang ke arah penemubual) aaa...masa tu [itu] orang meminati dangdutkan zaman tu [itu] kan jadi *company-company* lain pun semua suruh artis-artis dia buat [membuat] dangdut semua dah [sudah] masa tu [itu] - - - sebab itu irama tu [itu] - -, sebab masa tu [itu] belum tiba lagi Siti Nurhaliza [Dato' Sri Hajjah Siti Nurhaliza Tarudin] zaman kitaorang [kami] aaa...*so* di situlah permulaan Kak Sheeda.

NRM: Soalan seterusnya aaa...kami boleh tak [tidak] puan ceritakan sedikit latar belakang keluarga puan? (Bertanya sambil teragak-agak)

SH: (Bercerita sambil mengangguk ke arah penemubual) Okey saya ni [ini] berasal dari keluarga yang sederhana nak [hendak] kata kaya jauh sekali miskin

mungkin sebab Kak Sheeda ni [ini] ayah Kak Sheeda arwah dah [sudah] kan aaa...bekerja di Singapore masa tu [itu] sebagai Jepun (sambil berfikir), dia kerja dengan *company* Jepun sebagai *Architect Building* so dia balik ke rumah kami pun setahun sekali je [sahaja] setahun dia duduk sebulan dia cuti kan pastu [selepas itu] dia balik lagi sana so Kak Sheeda dibesarkan dengan oleh dengan ibu lah ibu dan kami lapan beradik - -, lapan beradik ni [ini] maksudnya lima beradik adalah aaa...satu mak tapi [tetapi] ayah lain sebelum tu [itu] mak Kak Sheeda kahwin dengan orang lain tapi [tetapi] bercerai so tapi [tetapi] kami duduk satu rumah lapan beradik so almaklum kan dalam keadaan yang mengharap duit daripada arwah ayah setiap bulan so kami adalah keluarga yang susahlah di situ timbulnya - - - Kak Sheeda rasa macam zaman persekolahan Kak Sheeda lagi Kak Sheeda rasa macam minat Kak Sheeda yang mendalam nak [hendak] jadi [menjadi] penyanyi dan Kak Sheeda pun sekolah pun Kak Sheeda punya persekolahan tu [itu] Kak Sheeda rasa kalau Kak Sheeda concentrate memang Kak Sheeda akan berjaya dalam pelajaran tapi [tetapi] Kak Sheeda banyak main Kak Sheeda masa tu [itu] dah [sudah] memang minat menyanyi so Kak Sheeda sempat masuk sekolah rendah habis, masuk sekolah menengah Kak Sheeda pergi ke Kuala Terengganu masuk Vokasional daripada Vokasional tu [itu] Kak Sheeda *stop* kat [dekat] situ, Kak Sheeda buat [membuat] macam-macam kerja untuk keluarga Kak Sheeda lah untuk mak kan, Kak Sheeda cubalah macam-macam kerja Kak Sheeda pernah jadi [menjadi] pembantu rumah Kak Sheeda pernah rasa - - - zaman tu [itu] zaman kita budak-budak kan rasa ingin nak [hendak] cari duit untuk mak pada hal tak [tidak] seberapa pun yang kita dapatkan tapi [tetapi] nak [hendak] berbakti pada orang tua sehingga lah timbul minat Kak Sheeda nak [hendak] jadi [menjadi] penyanyi haa macam tu [itu]lah tapi [tetapi] dalam masa tu [itu] Kak Sheeda pun kahwin muda berusia muda Kak Sheeda berkahwin dapat anak dua tapi [tetapi] tak [tidak] lama perkahwinan Kak Sheeda, Kak Sheeda bercerai bila [apabila] bercerai tu [itu] yang Kak Sheeda gambel daripada kampung Kak Sheeda daripada Kelantan [Malaysia] Kak Sheeda tak [tidak] kenal siapa-siapa Kak Sheeda bertolak ke KL [Kuala Lumpur, Malaysia] untuk jadi [menjadi] penyanyi, so sampai di KL [Kuala Lumpur, Malaysia] Kak Sheeda cuba masa tu [itu] *contact* S. Atan [Hashim Said], Ahmad Nawab [Dato' Seri Dr. Ahmad Khan bin Nawab Khan] masa tu [itu] kan Kak Sheeda tak [tidak] kukuh lagi jadi

[menjadi] penyanyi kan tapi [tetapi] Kak Sheeda tak [tidak] berjaya so balik lagi ke kampung duduk kat [dekat] kampung lagi sehingga lah suatu ketika yang Kak Sheeda cakap Kak Sheeda terus ke KL [Kuala Lumpur, Malaysia]...

NAF: hmm...ke KL tu [itu]...haah...

SH: (Bercerita sambil membuat pergerakan tangan dan memandang ke arah penemubual) bersama dengan Sakiman, Ella & The Boys tu [itu] di situ Kak Sheeda dah [sudah] *start* ada nampak lah kejayaan Kak Sheeda untuk jadi [menjadi] penyanyi orang maksudnya *composer* datang cari Kak Sheeda kita cari pengalaman dulu menyanyi kalau terjah macam gituh daripada kampung memang, memang kita tak [tidak] tahu masa tu [itu] kita...kita menyanyi pun kita tak [tidak] tahu *level* kita kat [dekat] mana dan suara kita sesuai dengan lagu apa main terjah je [sahaja] orang kata lagu - - - Kak Sheeda pernah jadi [menjadi] penyanyi rock, sebab *ex-husband* memang *rockers* ayah dia ni [ini] (menunjuk ke arah anaknya) memang kumpulan Desire so menjerit juga Kak Sheeda menyanyi kan dengan bangle, bangle apa semua kan (sambil memegang kepala) tapi [tetapi] Kak Sheeda lama-lama Kak Sheeda kata, "Ini bukan dunia aku" banyak jugalah penyanyi-penyanyi daripada yang kita tengok sekarang contohnya Nora [Datuk Wan Norafizah binti Dato' Wan Ariffin] diorang [mereka] bermula dengan menyanyi rock dulu barulah kitaorang [kami] cari kita punya bidang masing-masing mana suara kita yang sesuai.

NAF: (sambil mengangguk)

NRM: (sambil mengangguk)

NAF: Sepanjang yang akak sekolah rendah dengan kolej vokasional tu [itu], kan akak dah [sudah] minat untuk menyanyikan, dalam semasa mendapat pendidikan tu

[itu] akak ada tak [tidak] macam pertandingan-pertandingan di bawah sekolah dengan kolej vokasional tu [itu]?

SH: (Bercerita sambil membetulkan pelitup muka) Okey masa dekat sekolah dulu, sekolah rendah, sekolah ada mengadakan pertandingan nyanyian kan Kak Sheeda masuk bertanding lawan dengan sekolah menengah, *combine* masa tu [itu] Kak Sheeda pun tak [tidak] *confident* sangatlah tapi [tetapi] Kak Sheeda bawak [membawa] lagu dangdut dah [sudah] ada minat nyanyi lagu dangdut masa tu [itu] nak [hendak] pengsan juga Kak Sheeda bila [apabila] Kak Sheeda dapat nombor satu masa pertandingan tu [itu]...

NAF & NRM: Ohh Alhamdulillah (sambil mengangguk)

SH: haaa...jadi

NAF: Rezeki kak

SH: (Mengenggam tangan berselang seli dengan sedikit pergerakan) masa tu [itu] cikgu selalu bawa Kak Sheedalah buat [membuat] *show* kat [dekat] luar-luar sekolah kan semua *under* cikgu lah maksudnya cikgu bawak [membawa] ni [ini] okey yang menang pertandingan kat [dekat] sekolah tu [itu] kan - - - *so* tu [itu] lah kemenangan Kak Sheeda dapatlah daripada zaman remaja.

NRM: Hmm...Hadiah paling tinggi kira waktu masuk pertandingan tu [itu] dalam berapa?

SH: (Mengenggam tangan sambil membetulkan pelitup muka) masa tu [itu] diorang [mereka] ni [ini] cuma bagi [memberi] piala je [sahaja] kan kat [dekat] sekolah

diorang [mereka] bagi [memberi] piala je [sahaja] so kat [dekat] situlah Kak Sheeda *start*.

NAF & NRM: (Diam dan menunduk) (sambil menulis)

NAF: Okey kita lihat untuk soalan seterusnya...

SH: (Memandang ke arah penemubual dan memotong percakapan) Kak Sheeda ni [ini] takut sebenarnya nak [hendak] masuk bertanding ni [ini] sebab tu [itu] Kak Sheeda masuk Gegar Vaganza tengok macam mana keadaan Kak Sheeda kan...

NRM: haah...(sambil mengangguk)

SH: (Membuat pergerakan tangan sambil bercerita) Kak Sheeda sekali tu [itu] je [sahaja] orang cakap “Aku rasa kau boleh menang” budak-budak kawan-kawan Kak Sheeda aku rasa kau menang dah, ar tak [tidak] penting kalau aku menang aku belanja kau bukan dia belanja kita...

NAF & NRM: hmm...(Tertawa) (sambil mengangguk)

SH: (Membuat pergerakan tangan dan memandang ke arah penemubual) maksudnya kita takde [tiada] *level confident* tu [itu] takde [tiada] tapi [tetapi] bila [apabila] menang tu [itu] kita terperanjatlah haaa...

NRM: masuk saja-saja [sahaja-sahaja] lah...

SH: haaa...masuk saja-saja [sahaja-sahaja] lah macam kena push pastu [selepas itu] masa tu [itu] pegang mic kan, mic dah [sudah] *on* tapi [tetapi] menggelabah “hallo hallo hallo hallo”, (sambil lakonan semula memegang mikrofon) padahal benda tu [itu] dah [sudah] bunyi sebab kita menggelabah Kak Sheeda memang tak [tidak] boleh bertanding, jiwa bertanding tu [itu] takde [tiada].

NAF: haa...kita ke sesi soalan umum eh [ya] ?

SH: haaa...(sambil memandang mendengar soalan yang diajukan)

NAF: Okey, bolehkah puan menceritakan serba sedikit tentang idola puan dalam bidang nyanyian? (Bertanya sambil membuat pergerakan tangan)

NRM: Haah...

SH: Saya sebenarnya masa saya *start-start* nyanyi dekat kampung dulu kan saya kan bermula dengan lagu-lagu aaa (menunduk sambil berfikir) rock sebab bekas suami saya adalah penyanyi rock *so* dia bagi [memberi] kata dua kat [dekat] saya kalau sekiranya saya nyanyi lagu pop ke lagu apa dia tak [tidak] *backing* dia tak [tidak] nak [hendak] sebab dia memang *band* rock *so* saya- -, kitaorang [kami] kalau di Kelantan [Malaysia] tu [itu] memang saya mempunyai alat-alat muzik sendiri maksudnya setiap artis datang ke Kelantan [Malaysia] maksudnya kitaorang [kami] punya *group* yang *backing so* bila [apabila] kitaorang [kami] dapat function banyak juga sebab saya duduk di Kelantan [Malaysia] saya banyak- -, banyak *job* masa tu [itu] di Thailand haaa Thailand dia ambil penyanyi-penyanyi Kelantan [Malaysia] kan *so* saya nak [hendak] ikut *ex-husband* dengan *ex-husband* saya ni [ini] bapak Bienda [Nor Razlinda binti Razali] lah jadi saya kena nyanyi lagu rock *so* masa tu [itu] idola saya Metallica, Strife kumpulan-kumpulan rock tu [itu] kan jadi dekat situ je [sahaja]lah, lepastu [selepas itu] apabila [apabila]saya masuk RTM [Radio Televisyen

Malaysia] panggil saya RTM [Radio Televisyen Malaysia] Kelantan [Malaysia] dah [sudah] mula panggil saya dan seorang penerbit tu [itu] Mansor Buyuh nama dia daripada RTM [Radio Televisyen Malaysia] tu [itu] lah dia rasa dia suruh saya nyanyi nyanyi - -, okey setiap lagu okey setiap minggu masa tu [itu] ada Kamariah [Allahyarham Kamariah Noor] kitaorang [kami] buat [membuat] show kat [dekat] luar masa tu [itu] zaman-zaman remaja zaman-zaman kata orang nyanyi aje [sahaja] kita tak [tidak] tahu *level* kita *so* dia yang meletak kan saya ni [ini] sesuai dengan lagu irama dangdut *so* setiap lagu Zaleha Hamid [Siti Zaleha binti Abdul Hamid] [Siti Zaleha binti Abdul Hamid] dia tak [tidak] akan bagi [memberi]artis-artis tempatan yang lain untuk nyanyi masa tu [itu] kalau tak [tidak] silap saya sekali payment RTM [Radio Televisyen Malaysia] baru bayar tiga puluh lima ringgit [RM35] kan tapi [tetapi] kita tiga puluh lima ringgit [RM35] tu [itu] dah [sudah] besar dah [sudah]...(Bercerita sambil membuat pergerakan tangan dan membetulkan pelitup muka)

NAF & NRM: dah [sudah] besar dah [sudah]

SH: (Bercerita dengan penuh semangat sambil membuat pergerakan tangan) zaman tu [itu] kan *so* saya banyak *show-show* sebab dekat situ ramai pelawak-pelawak daripada Kelantan [Malaysia] *show-show* besar di Kelantan [Malaysia] setiap artis datang semua kitaorang [kami] *backup* dan saya akan buat [membuat] persembahan dulu sebelum artis tu [itu] keluar *so* dekat situ lah saya pupuk minat saya saya *start* menyanyi lagu dangdut...dan bila [apabila]saya menyanyi lagu Mazwin, Mazwin saya jadi [menjadi] Mazwin bila [apabila] saya nyanyi lagu Azlina Aziz saya jadi [menjadi] Azlina Aziz takde [tiada] masa tu [itu] takde [tiada] tak [tidak] tahu lagi arah dekat mana kan kita ikut suara artis tu [itu].

NAF: Kita macam ikut je [sahaja] macam tu [itu] juga...

SH: (Berpikir dan bercerita sambil membuat pergerakan tangan) apabila penerbit tu [itu] cakap “*You* sesuai lagu dangdut” aaa...di situ saya *start* minat lagu dangdut dan saya jadi [menjadi] kan idola-idola penyanyi saya , saya - -, saya kalau malaysia ni [ini] saya cuma minat Zaleha Hamid [Siti Zaleha binti Abdul Hamid] je [sahaja] sebab tu [itu] banyak orang cakap saya ni [ini] suara saya mirip dengan Zaleha Hamid [Siti Zaleha binti Abdul Hamid] sebab saya betul-betul kaji cara dia nyanyi tetapi kalau idola saya betul-betul saya memang minat penyanyi-penyanyi daripada Indonesia macam Rita Sugiarto, Noer Halimah [Noer Halimah Jombang] saya memang meminati lagu-lagu penyanyi-penyanyi macam tu [itu] *pure-pure* dangdut ni [ini] saya belajar skill dia macam mana cara dia bernafas tarik suara maksudnya - - -elvis presley [Elvis Aaron Presley] yang saya minat penyanyi-penyanyi itulah - - - jadi saya campur dengan suara saya saya campur dengan artis ni [ini] saya ambil dia punya apa sikit-sikit dia punya cara nyanyian itulah jadi [menjadi] saya sekarang.

NRM: Soalan seterusnya apakah pendapat puan tentang industri nyanyian sekarang?

SH: (Bercerita sambil memandang ke arah penemubual) Industri sekarang saya nampak tidak semeriah dulu sebab industri dulu adalah artis-artis yang menyanyi adalah artis-artis yang kualiti sebab artis-artis dulu panjat tangga macam memanjat tangga tau nak [hendak] naik - -, nak [hendak] naik dan dia bertahan lama contoh macam Kak Sheeda sampai hari ini walaupun Kak Sheeda sudah berusia maksudnya artis-artis baru still menyanyikan lagu Kak Sheeda dalam rancangan pertandingan apa pun tu [itu] sebab Kak Sheeda boleh bertahan sebab kalau artis-artis yang baru ni [ini] dia cuma datang satu single pastu [selepas itu] dia hilang sebab mungkin Kak Sheeda rasa muzik dia terlampau ringan cara nyanyiannya dia terlampau ringan jadi dia jadi ikut *flow* tau *flow* dia tu [itu] tak [tidak] - -, tak [tidak] tak [tidak] *strong* tak [tidak] *strong* hanya segelintir je [sahaja] macam yang kita nampak ada juga yang berjaya maksudnya dia punya *followers* tinggi dia punya Youtube tinggi contoh-contoh macam artis sekarang kan kita nampak sebab mungkin dia *study* dari segi kualiti apa semua lepas tu [selepas itu] macam dulu kita di jugde oleh penyanyi-

penyanyi veteran yang lama-lama yang atas-atas kita dan kita belajar cara selok-belok nak [hendak] menyanyi masa tu [itu], zaman tu [itu] kita pakai *casset* je [sahaja] *rewind* pastu [selepas itu] *forward rewind - -, forward rewind forward* sampai kita dapat kan lepastu [selepas itu] setiap lagu yang kita buat [membuat] album tu [itu] maksudnya dulu sepuluh [10] lagu bukannya satu lagu single bila [apabila] sepuluh [10] lagu ni [ini] maksudnya dari segi kerja kita tu [itu] banyak dari segi lenggok-lenggok kita nak [hendak] nyanyi kan lagu dangdut ni [ini] bukan sesuatu yang mudah bukan sesuatu yang senang nak [hendak] dinyanyikan dia berbeza daripada asli dia berbeza daripada irama-irama lain kalau nak [hendak] nyanyi pop tu [itu] bagi saya senang mudah sangat sebab saya pernah buat [membuat] album pop saya pernah ohh rupanya saya cakap dalam hati saya “Ohh macam ni [ini] nyanyi pop sebab dia letak [tidak] mic kat [dekat] sini (meletakkan tangan di mulut seolah-olah memegang mikrofon) dia cuma feel je [sahaja] nyanyi slow-slow perlahan-lahan”, kita kalau irama dangdut ni [ini] selagi tak [tidak] tiga jam [3 jam] berdiri kita tak [tidak] akan dapat kadang satu [1] line dua [2] line tu [itu] pun sakit kejang kaki (memegang kaki) ni [ini] penerbit kita jaga kualiti vokal kita ni [ini] kan jadi cara nyanyi dangdut ni [ini] pun dia tak [tidak] menjerit-jerit dia lembut dan kita kena dapatkan lenggok-lenggok tu [itu] bukannya sesuatu yang mudah lah (memegang pelitup muka sambil memandang ke arah penemubual).

NRM: Kalau puan - -, puan pernah bekerja dengan artis sekarang tak [tidak] macam mana sikap diorang [mereka] bezanya sikap diorang [mereka] dengan artis sekarang dengan artis dulu?

SH: (Berfikir dan menunduk sambil bercerita) dia itu yang saya cakap artis dulu kualiti dia tu [itu] tinggi dari segi adab diorang [mereka] pun bagus diorang [mereka] akan menghormati artis-artis yang lebih dahulu daripada mereka kalau kata penyanyi tu [itu] kita tak [tidak] kenal sekalipun kita kena pergi bersalam, senyum dari jauh cuba komunikasi tak [tidak] macam artis sekarang artis sekarang ni [ini] dia nyanyi lagu kita tapi [tetapi] dia tak [tidak] kenal kita takpe [tidak mengapa] tapi [tetapi] kadang-kadang cara dia bercakap tu [itu] “Ni [ini]

siapa eh?" (menunding jari ke arah hadapan) dia macam dia takde [tiada] hormat tau dia takde [tiada] hormat pada penyanyi baru [lama] dan bila [apabila] pergi *show* ke atau berjumpa dengan kita ke misal kata contoh kan diorang [mereka] ni [ini] macam ada juga - - - saya tak [tidak] kata semua tapi [tetapi] ada setengah-setengah tu [itu] macam (membetulkan tudung) manager atau *PA* [*Personal Assistant*] diorang [mereka] takut pada, pada dia tak [tidak] macam kita, kita dulu kita takut dengan manager kitaorang [kami] kita takut dengan *PA* [*Personal Assistant*] kitaorang [kami] sampaikan kita nak [hendak] scandal ke nak [hendak] bercinta zaman tu [itu] kan kita boleh buat [membuat] pilihan takut tak [tidak] boleh maksudnya artis kalau ada *show* katalah sebulan, malam tu [itu] kita kena tidur cukup kita kena bangun awal sebab takut suara hilang dan masa tu [itu] kita tidak dibenarkan bersosial tak [tidak] boleh maksudnya kita takut pada *PA* [*Personal Assistant*] kita takut kena bisingkan maksudnya kerja kita duduk dalam bilik je [sahaja] diorang [mereka] *enjoy* diorang [mereka] keluar dengan duit yang kita dapat ni [ini] diorang [mereka] manager kita kan diorang [mereka] *enjoy* pergi disco (sambil membuat gaya tangan) kita tak [tidak] dibenarkan kita kena tidur cukup tapi [tetapi] sekarang tak [tidak] saya tengok artis-artis sekarang tak [tidak]...

NAF: Sebab dulu nak [hendak] menjaga betul kualiti tu [itu] kan...

SH: (Bercerita dengan penuh emosi sambil membuat pergerakan tangan) bukan nak [hendak] cakap banyak tapi [tetapi] maksudnya dia lagi garang pada manager so dia tak [tidak] kemana kadang-kadang saya rasa macam aaa...dia rasa bagus kadang-kadang bila [apabila] kita tegur dia pun kan ni [ini] kita nak [hendak] bagi [memberi] perkhidmatan *free* kat [dekat] dia untuk menagajar dia jadi [menjadi] yang lebih baik pun dia seolah-olah menolak dan dia rasa dia bagus kita ni [ini] yang bagus ni [ini] kita nak [hendak] lagi kita nak [hendak] belajar macam saya ni [ini] contohnya bila [apabila] jumpa artis yang lebih dahulu daripada kita macam contoh Zaleha Hamid [Siti Zaleha binti Abdul Hamid] ke saya punya idola contohnya saya kalau jumpa Zaleha Hamid [Siti Zaleha binti Abdul Hamid] tu [itu] saya akan bertanya banyak cara teknik-teknik dia nyanyi,

cara dia menyanyi macam mana, cara dia goyang macam mana, cara lenggoknya macam mana nak [hendak] dapatkan ilmu dan apabila [apabila] pertama kali kita buat [membuat] persembahan dekat luar saya masa tu [itu] duduk dengan Warner Music diorang [mereka] akan *record* apa yang kita buat atas *stage* tu [itu] lepastu [selepas itu] diorang [mereka] akan masukkan dalam *conference room* diorang [mereka] akan tunjuk balik kat [dekat] kita tunjuk apa yang kita dah [sudah] buat atas *stage* tu [itu] lepastu [selepas itu] kalau kita buat [membuat] benda tu [itu] tak [tidak] elok atau tak [tidak] pandai menari keras ke apa semua diorang [mereka] berdekah-dekah diorang [mereka] gelak satu dewan tu [itu] maksudnya dalam bilik *conference* tu [itu] diorang [mereka] akan mengutuk kita habis-habisan kita tak [tidak] tahan telinga dengar (sambil menutup telinga) *so* bila [apabila] jadi macam tu [itu] kita terpaksa pergi ke kelab cari GRO walaupun dia ni [ini] bukan bidang kita ni [ini] eh kita pergi eh dekat kelab tu [itu] (sambil membuat gaya melihat ke arah satu tempat) kita tengok siapa yang pandai menari siapa yang pandai gelek kat [dekat] situ kan diorang [mereka] *terror-terror* kan pergi rumah dia belajar menari tu [itu] “Kak saya nak [hendak] belajar ni [ini] macam mana saya menari ni [ini] keras ni [ini] keras tak [tidak] reti nak [hendak] atas stage kan”, (sambil memusing-musingkan pergelangan tangan) *so* kita buat [membuat] benda-benda tu [itu] tapi [tetapi] artis-artis sekarang tak [tidak] dia rasa bangga (membuat gaya memegang mikrofon sambil duduk tegak) dia nyanyi tegak je [sahaja] kan *so* dia - -, dia gelar diri dia penyanyi dangdut tapi [tetapi] dia tegak kadang-kadang (membetulkan pelitup muka) ada juga artis dangdut yang muda saya pernah tegur dia saya kata, “Kamu kalau nak [hendak] berjaya sebab kamu tak [tidak] tinggal di Malaysia kamu tinggal di Indonesia kamu kena jadi [menjadi] lebih baik kamu boleh jadi [menjadi] setaraf dengan penyanyi-penyanyi sana kan maksudnya cara nyanyian kamu”, dia akui benda tu [itu] dia tak [tidak] dapat lenggok dengan baik kan tapi [tetapi] saya kita *offer* dia untuk mengajar dia lenggok-lenggok tu [itu] dia tak [tidak] datang jumpa kita *so* kita ni [ini] bukan nak [hendak] *fee* ke apa semua nak [hendak] ajar dia *free* je [sahaja] kan sebab kita rasa bangga kalau dia ada peluang pergi ke sana kita ni [ini] takde [tiada] peluang kita takde [tiada] peluang macam dia kan sekarang dia ada peluang duduk sana menetap sana kan *so why not* dia belajar benda tu [itu] kan sekurang-kurangnya saya rasa malu bila [apabila] orang tegur kan

SH: Akak pergi buat [membuat] kadang-kadang ada juga persembahan-persembahan *charity show* yang diorang [mereka] buat akak memang ambil kalau *job* tu [itu] *charity* yang betul-betul memerlukan yang memerlukan duit dana-dana yang memerlukan dana-dana apa semua akak terlibat dan akak sendiri pun memang suka buat [membuat] *job-job* untuk artis-artis yang terlantar yang sakit kutip duit kutip derma kadang-kadang sampai satu ketika akak pergi *show* akak bawa tong akak minta supaya *fans* akak ni [ini] masukkan duit dalam tu [itu] dan akak akan pergi ke rumah tu [itu] bagi [memberi] duit tu [itu], so kata orang kita nak [hendak] buat [membuat] baik ni [ini] tak [tidak] kan nak [hendak] tunjuk kan tapi [tetapi] itulah maksudnya akak akan buat [membuat] lengkap banyak juga yang orang ada badan-badan yang panggil akak boleh tak [tidak] akak gini-gini, boleh akak buat kalau betul-betul jangan tipu kalau tipu tu [itu] akak *charge* lah.

NAF: Boleh tak [tidak] akak kongsi serba sedikit harapan akan untuk kedepannya?

SH: Harapan akak kedepannya akak harap industri kita ni [ini] menjadi satu industri yang tidak pilih bulu lah dan mendidik artis-artis baru ni [ini] untuk menjadi artis yang lebih peka lebih belajar mempelajari selok-belok cara untuk menjadi seorang artis yang berkaliber maksudnya bukan bersandar pada rupa tapi [tetapi] bersandar pada bakat.

NAF: Ada tak [tidak] selama akak berkecimpung dalam industri ni [ini] ada tak [tidak] *genre* atau irama yang akak impikan untuk bawa? (RALAT) yang belum akak capai.

SH: emm akak dah [sudah] cuba semua sebab akak dulu memang nak [hendak] try menyanyi rock akak dah [sudah] menyanyi akak nak [hendak] try pop dalam Gegar Vaganza akak buat maksudnya akak sendiri *perform* pun akak bermula daripada lagu-lagu pop *english song* lagu-lagu jadi akak rasa akak dah [sudah] buat [membuat] semua Cuma akak tak [tidak] dapat nak [hendak] buktikan apabila masuk bertanding Gegar Vaganza tu [itu] disebabkan akak terlampau takut kalau benda tu [itu] santai *is not* pertandingan akak rasa kacang bila [apabila] bertanding ni [ini] nama kata bertanding akak melihat banyak kawan-kawan akak artis-artis yang sama-sama dengan akak, akak tak [tidak] boleh menyanyi menggigil tu [itu] kan sampai tak [tidak] boleh makan, makan pisang je [sahaja] duduk kat [dekat] belakang stage tu [itu] pun banyak - - - maksudnya jiwa bertanding tu [itu] takde [tiada] itu orang kata berani - -, (bercerita sambil menyalangkan kaki) berani matilah maksudnya ada yang berani bolehlah masuk bertanding kalau yang tak [tidak] berani tu [itu] jadi [menjadi] artis biasa je [sahaja].

NAF: Ada tak [tidak] harapan akak untuk perancangan masa depan dalam industri muzik ni [ini]?

SH: emm (bercerita sambil membetulkan tudung) tak [tidak] tahulah nak [hendak] kata untuk masa depan perancangan akak ni [ini] rasanya akak tak [tidak] rasa macam boleh buat [membuat] sesuatu yang membantu orang lain diluar sana melainkan dengan bakat yang kita ada bidang yang saya ceburi sekarang ni [ini] yang boleh membantu diorang [mereka] kalau untuk orang nak [hendak] menggunakan khidmat saya sebagai artis untuk membantu orang yang benar-benar dalam keadaan susah apa semua itu sahaja harapan saya, saya dapat

berjuang bersama-sama dengan diorang [mereka], yang kedua saya harap saya dapat menyumbang bersama artis-artis lain *especially* artis-artis remaja jangan sombong sangat jangan berkira pasal duit apa semua apabila kita perlu membantu artis-artis lain, artis-artis veteran *especially* yang sakit apa semua berkorbanlah saya haraplah saya buat masa sekarang ni [ini] saya banyak buat [membuat] kerja-kerja macam tu [itu] apabila saya dengar orang sakit saya tak [tidak] boleh duduk lah saya cari jalan saya cari lubang untuk macam mana nak [hendak] membantu artis-artis tu [itu] dan saya minta tolong kawan-kawan yang rapat-rapatkan, kalau saya kaya saya rasa saya buat [membuat] satu badan yang memang buat [membuat] satu tabung untuk membantu artis-artis yang susah di akhir hidup yang tidak ada family ke sebab semua - - - sebab artis ni [ini] dia bukannya penyanyi dia bukan ada kontrak dia bukan ada gaji bulanan takde [tiada] so kalau *especially* bila [apabila] dia tua kalau ada *family* boleh *care* takpe [tidak mengapa] kalau yang tak [tidak] boleh *care* perubahan semua banyaklah ditimpa musibah artis-artis yang tiba-tiba sakit-sakit kan *especially* yang baru-baru ni [ini] “Haa siapa aaa screen eh yang penyanyi Gegar Vaganza tu [itu] tiba-tiba mendapat sakit yang kronik yang tidak yang jarang orang sakit tiba-tiba dengan bengkak muka, Gmie Screen” jadi saya hati saya ni [ini] kalau dengar orang artis-artis yang sakit macam tu [itu] saya nak [hendak] membantu taw [tahu] tapi [tetapi] kadang-kadang sayang nak [hendak] cari orang yang membantu tu [itu] bukan senang cuma adalah artis-artis yang prihatinkan saya terpaksa menggunakan IG [Instagram] saya Fb [Facebook] saya untuk meminta bantuan saya ni [ini] dah [sudah] muka seposenlah kata orang nak [hendak] bantu orang lain saya harap artis-artis yang remaja ni [ini] sebab diorang [mereka] *followers* tinggi-tinggi kan patutnya boleh membantu diorang [mereka] boleh turun padang membantu, diorang [mereka] saya pernah buat [membuat] menganjurkan konsert untuk bantu artis-artis yang sebelum ni [ini] yang sakit-sakit kan tu [itu] lah artis-artis baru ni [ini] (bercerita dengan nada yang sedikit kecewa sambil menyilangkan tangan) saya tak [tidak] tahu tang mana diorang [mereka] pergi tak [tidak] nak [hendak] *join* apa salahnya kan datang pun takpelah [tidak megapalah] dekat consert tu [itu] ke tak [tidak] nak [hendak] nyanyi ke kadang-kadang bagi diorang [mereka] mungkin nyanyi satu lagu tu [itu] pun nak [hendak] duit macam mana kita nak [hendak] bantu diorang [mereka] sedangkan kita ni [ini] nak [hendak] cari bantuan. (RALAT)

NAF: Ada tak [tidak] nasihat akak terhadap mereka yang terlibat dalam industri muzik sekarang?

NRM: Contohnya macam penyanyi sekarang, orang-orang yang nak [hendak] masuk dalam industri muzik ni [ini] dengan artis veteran yang masih dalam industri ni [ini]?

SH: iyalah kena *well prepare* lah maksudnya kena belajarlah selok-belok dulu tahu hormat orang, tahu merendah diri dan mahu belajar kata orang belajar ni [ini] sampai ke negara China belajar ni [ini] tak [tidak] pernah kita - - - jangan rasa diri kita ni [ini] bagus itu harapan akaklah supaya mereka ni [ini] menjadi artis bukan hanya kerana satu single bukan hanya kerana satu lagu belajar biarlah sampai berjaya sampai ke luar negara sebab peluang diorang [mereka] sekarang ni [ini] peluang Youtube peluang yang tidak ada pada kita dulu.

NAF: Nasihat kepada rakan artis yang masih dalam industri ni [ini]?

SH: aaa buat [membuat] yang terbaiklah maksudnya buat [membuat] yang terbaik jadi [menjadi] penyanyi yang dihormati jadi [menjadi] penyanyi yang berpelajaran yang tahu ilmu jangan jadi [menjadi] penyanyi yang bodoh sombong.

NAF: Nampaknya kita dah [sudah] pun berakhir sesi temubual harini akak ada sepatah dua kata tak [tidak] untuk macam...

SH: *you all?*

NAF: haah macam kitaorang [kami]

NRM: haah

SH: *you all* bidang apa eh?

NAF: kitaorang [kami] bidang informasi

SH: Informasi di?

NRM & NAF: Information Management UiTM Segamat

SH: U?

NAF: UiTM Segamat

SH: Anak akak UiTM Perak sebelum ni [ini] sebelum ni [ini] lah anak perempuan akak Alin tapi [tetapi] dia bahagian hartanah sepatutnya, dia tak [tidak] minat hartanah *so* dia masuk sekarang ni [ini] masuk *private* tukar *college* sebab dia buat [membuat] *Finance, Financial* so akak tak [tidak] berapa tahu bidang awak tu [itu] maksudnya bahagian apa tadi?

NRM: Information Management

SH: Information Management so harapan akak pada you all semua supaya belajar rajin-rajin (RALAT) jangan sekerat jalan jangan terpengaruh dengan boyfriend-

boyfriend girlfriend-girlfriend aaa belajar sampai negara gading sampai berjaya bantu orang tua dulu baru fikir masa depan kita fikirkan keluarga kita dulu kita pun bukan orang senang kita orang susah kan emm at least gembirakan keluarga kita dulu mak ayah kita dulu keluarga kita adik-adik kita bagi diorang [mereka] rasa duit gaji yang kita dapatkan ni [ini] kan senangkan mereka terlebih dahulu ambil masa sikit barulah kita cari jodoh kita pada sayalah jangan kita ikut orang zaman-zaman dahulu nak [hendak] kahwin cepat kahwin awal nanti menyesal.

NAF: sekarang dah [sudah] macam *trend* kan untuk kahwin awal kan

SH: Haa sebab kalau kita tengok kan orang-orang yang kahwin lambat ni [ini] lebih berjaya daripada orang-orang yang kahwin awal sebab kumpul *experience* dulu belajar dulu kaji dulu perangai kadang-kadang tak [tidak] tunjuk true colour sama je [sahaja] saya rasa sama je [sahaja] setahun [1], dua [2], tiga [3] tahun sama je [sahaja] perangailah lelaki dan perempuan sama je [sahaja] cuma saya nasihatkan jangan terlalu cepat *even though* duduk dalam satu kolej ke berpasang-pasangan boleh takde [tiada] masalah tapi [tetapi] cari yang boleh menentukan masa depan kita jangan cari yang cinta *is not love* jangan cari cinta mesti merana sebab cinta pun cari yang beriman cari yang baik beriman bila [apabila] orang tu [itu] lima waktu cukup solat tu [itu] cukup in Sha Allah dan bahagiakan orang tua kita dulu bagi [memberi]orang tua kita merasa dulu kesenangan kita macam mana dia peritnya kan nak [hendak] menanggung kita ni [ini] daripada kita tak [tidak] tahu orang tu [itu] bergolok bergadai janji ada kan tu [itu] lah nasihat akak kepada semua *so goodluck to you all* (membuat gaya tangan dengan intonasi yang semangat) semoga *success* dan semoga berjaya semoga menjadi orang-orang yang bekerja yang *success* dalam apa jua bidang yang diceburi tu [itu] lah sepatih dua kata akak okey.

NAF: Kalau nak [hendak] request satu lagu boleh?

SH: Lagu apa? (memandang ke arah penemubual dengan nada sedikit terkejut)

NAF: Lagu akak paling popular yang akak nyanyi

NRM: Yang akak rasa yang paling suka lah

SH: Akak tak [tidak] rasa suka dulu mungkin akak minat masa muda dulu akak minatlah menyanyi ni [ini] minat kalau tak [tidak] minat ni [ini] tak [tidak] boleh menyanyi tapi [tetapi] bila [apabila] kita dah [sudah] berumur ni [ini] kita dah [sudah] tak [tidak] rasa minat kita rasa tanggungjawab kita rasa macam kita lakukan kerana duit sebab akak dah [sudah] ada tanggungjawab dengan *family* so apa yang akak buat tu [itu] duit sebab tu [itu] tak [tidak] bolehlah kalau dulu orang suruh menyanyi banyak-banyak lagu ke bagi *free* pun takpe [tidak mengapa] sekarang tak [tidak] lah sebab akak dah [sudah] ada satu demandkan satu ketika dah [sudah] pernah ada *demand* tinggilah maksudnya bila [apabila] aku buat [membuat] ni [ini] penat-penat aku kerja *work* kan betul tak [tidak] so akak nyanyilah sikit, “aku sudah tidak percaya padamu lagi, lebih baik engkau segera angkat kaki, aku benci, benci, pada dirimu, aku bosan, bosan, pada dirimu, aku sudah tidak percaya padamu lagi” nak [hendak] lebih kena bayar bye muah! (membuat gaya *flying kiss*)

NAF & NRM: Terima kasih banyak-banyak (sambil tertawa)

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis veteran pada tahun 80-an bersama Puan Sayyida Beevi M.Shahul Hameed.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sejarah lisan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	
0010-0056	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Nama tokoh ialah Puan Sayyida Beevi binti M.Shahul Hameed • Dalam industri beliau digelar Kak Sheeda • 20 tahun berkecimpung dalam bidang nyanyian • Berasal dari Tumpat, Kelantan • Mempunyai 4 orang anak
0104-0234	Awal penglibatan dalam industri muzik	<ul style="list-style-type: none"> • Mula suka-suka ikut '<i>Jamming</i>' dengan band secara terbuka • One man show dengan keyboardist bersama Sudirman [Dato' Sudirman bin Arshad], Ella & The Boys • berpindah dari Kuantan ke Kuala Lumpur demi mencari pengalaman yang sesuai dengan diri • Mengenali irama dangdut secara kebetulan di sebuah kelab yang mempunyai pengiring band daripada Indonesia • Mempunyai basic lenggok nyanyian ke arah irama dangdut apabila diberi peluang oleh penerbit menyanyikan lagu Zaleha Hamid di RTM Kelantan
0245-0444	Menceburi bidang nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> • Belajar dangdut selama setahun

		<ul style="list-style-type: none"> • Memilih untuk menerima tawaran Iwan Dangdut untuk menjadi artis rakaman • Mengambil masa untuk mengeluarkan album pertamanya iaitu Angkat Kaki kerana lagu Selamat Jalan Romeo yang dinyanyikan oleh Ramlah Ram tengah meletop disaat itu • Kak Sheeda menjangkakan lagu Buaya Darat mendapat sambutan, akan tetapi ianya menjadi sensitiviti kaum lelaki dan RTM tidak membenarkanya • Mula bernasib baik apabila lagu Angkat Kaki yang dinyanyikan diputar dicorong-corong radio hari-hari mendapat sambutan hangat
0453-0629	Zaman era dangdut	<ul style="list-style-type: none"> • Dibawah Syarikat Warner Music dalam tahun 90an Kak Sheeda mula diterima masyarakat dengan irama dangdutnya • Dengan jadual yang padat dan album laris seperti pisang goreng Kak Sheeda hampir sebulan tidak duduk di rumah • Kak Sheeda meletop kembali dengan lagu bonus track Di sana Cinta Di sini Cinta yang dinyanyikan bersama Amalina dan di ikuti dengan lagu Secangkir Madu Merah • Lagu Gadis atau Janda yang berduet bersama Iwan turut meletop disaat itu

		sehinggakan tidak menang tangan apabila Kak Sheeda hampir setiap hari jadual penuh dengan show
0643-0745	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Berasal dari keluarga sederhana • Arwah bapanya pernah bekerja di Singapore sebagai Architect Building • Dibesarkan oleh ibunya bersama 8 orang adik beradik
0754-0846	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Pertama kali di sekolah rendah beliau memasuki pertandingan menyanyi dan berjaya mendapat nombor satu • Habis sekolah rendah Kak Sheeda ke Kuala Terengganu untuk sambung bersekolah dalam bidang Vokasional • Akan tetapi pelajaran beliau terhenti di situ • Kepayahan hidup membuatkan Kak Sheeda nekad membantu ibunya demi kelangsungan hidup • Mencuba bermacam-macam pekerjaan sehingga pernah menjadi pembantu rumah telah menimbulkan idea untuk menjadi penyanyi yang berjaya suatu saat nanti untuk berbakti kepada orang tua
0852-1613	Idola	<ul style="list-style-type: none"> • Perkahwinan di usia muda yang berhujung penceraian, Kak Sheeda

		<p>mengambil keputusan ke Kuala Lumpur bagi mengejar cita-citanya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seketika beliau juga pernah mengidolakan Metallica, Strife daripada kumpulan-kumpulan rock sewaktu bersama bekas suaminya yang merupakan penyanyi rock • Namun setelah masuk RTM dan bersesuaian dengan dirinya sendiri penerbit Mansor Buyuh banyak memberikan lagu berirama dangdut yang dinyanyikan Zaleha Hamid sehinggakan beliau mengidolakanya • Selain itu, beliau turut mengidolakan penyanyi daripada Indonesia iaitu Rita Sugiarto, Noer Halimah
1619-2803	Industri nyanyian terkini	<ul style="list-style-type: none"> • Kak Sheeda bertanggung industri sekarang tidak semeriah dulu • Kebanyakan artis malaysia hilang setelah mengeluarkan satu single (<i>one hit wonder</i>) • Seperti irama dangdut yang tidak pernah di telan zaman sehingga kini masih di terima masyarakat • Walaupun bukan mudah untuk bersaing boleh dilihat kebanyakan artis veteran di sia-siakan • Artis veteran selalunya menerima bayaran murah, jarang dipanggil membuat persembahan

2814-3458	Erti dangdut	<ul style="list-style-type: none"> • Muzik yang menggabungkan ilusi gendang, tarian dan lenggok suara • Sebenarnya irama dangdut berasal dari Malaysia • Dangdut sendiri asalnya adalah pukulan gendang daripada irama melayu • Penerimaan irama dangdut di Malaysia lebih cenderung ke arah <i>Disco Dangdut</i>
3710-3933	Penerimaan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Ayah Kak Sheeda melarang keras untuk menjadi penyanyi • Pernah di seret dan di pukul oleh ayahnya ketika mahu menyertai pertandingan menyanyi • Sehingga terpaksa berpakat dengan maknya jika ingin menyertai persembahan nyanyian • Mula menyanyi semula setelah ayahnya meninggal semasa sekolah rendah
3838-4025	Ujibakat	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat tempat pertama ketika memasuki pertandingan yang di anjurkan oleh sekolah • Mengikuti pertandingan rock Kak Sheeda turut membolat tempat pertama

		<ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan paling besar yang Kak Sheeda sertai adalah Gegar Vaganza
4027-4643	Asam garam GV	<ul style="list-style-type: none"> • Awalnya diperangkap oleh bekas suaminya dengan memasukkan nama beliau kepada pihak Astro • Setelah di paksa mengikuti ujibakat barulah Kak Sheeda di maklumkan mengenai Gegar Vaganza • Merasakan dirinya tidak sesuai lagi memasuki pertandingan Kak Sheeda sempat <i>down</i> • Mula bersemangat apabila di beri peluang untuk memperkenalkan dirinya semula dalam industri muzik • Hanya bertahan sehingga minggu kelima beliau menghadapi kesukaran menghafal lirik-lirik lagu BBNU
4830-5417	Band Karier	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikuti kumpulan suaminya, Band Desire menyanyikan lagu-lagu rock • Hanya menyanyi di kampung, Kak Sheeda amat meminati lagu-lagu Metallica, Febians, dan Yantzen • Setelah itu, beliau beralih ke group band daripada Kuantan selama setahun dengan menyanyikan lagu-lagu dangdut • Pernah mengikuti show band yang di anjurkan oleh Devi Suhana Studio

		<p>daripada Johor mewakili Negeri Kelantan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sempat mendapatkan kontrak untuk menghasilkan 10 lagu dalam irama pop rock
5600-5956	Album	<ul style="list-style-type: none"> • Merekodkan album pertama ‘Angkat Kaki’ di Bandung, Indonesia • Mendapat sambutan hangat daripada pendengar • Mengeluarkan album bersama Warner Music iaitu ‘Puteri Dangdut’ dan ‘Dang Dang Dut’ • Selepas itu, beliau mula merekodkan album kedua ‘Ronggeng’ dan album yang ketiga ‘Solo Kelantan’ • Kesemua album yang dikeluarkan mengisahkan tentang percintaan dan nasihat • ‘Angkat Kaki’, ‘Secangkir Madu Merah’, ‘Sini Cinta Sana Cinta’, ‘Gadis atau Janda’ menjadi lagu kegemaran Kak Sheeda ketika pergi membuat show
010433-011159	Perkembangan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> • Selepas covid beliau berpindah bidang dengan meniaga online untuk menampung keluarganya • Mendapat idea menceburi bidang perniagaan daripada anak-anak Kak

		<p>Sheeda mula mencipta makanan kegemaran anak untuk di buat jualan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ianya membuahakan hasil apabila mendapat sambutan dan oder yang banyak
011203-011539	Anugerah	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat anugerah penjualan album terbanyak ✓ Triple Platinum untuk album kompilasi Dang Dang Dut 1998 ✓ Double Platinum untuk album Puteri Dangdut 1999 ✓ Platinum untuk album Angkat Kaki
011545-011826	Sumbangan kepada industri muzik	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat charity show untuk kutipan derma anak yatim • Pernah membuat persembahan di depan menteri-menteri kabinet termasuk Tun Mahathir • Membantu agensi-agensi yang memerlukan dana seperti kutipan derma untuk artis-artis yang terlantar sakit
011921-012040	Genre	<ul style="list-style-type: none"> • Bermula dengan menyanyi irama rock untuk mencari identiti diri • Mencabar diri untuk mencuba membawa irama pop sewaktu di dalam Gegar Vaganza • Memilih irama musik dangdut yang sehati dengan dirinya sejak dari dulu

012436-012606	Nasihat	<ul style="list-style-type: none">• Sentiasa bersedia untuk belajar selok-belok apabila masuk dalam bidang industri• Belajar menghormati dan merendah diri• Haruslah mempunyai keinginan untuk belajar perkara-perkara baru• Menjadi penyanyi yang dihormati

RALAT

7.0 RALAT

Terdapat gangguan yang berlaku ketika sesi temu bual yang dijalankan bersama Puan Sayyida Beevi binti M.Shahul Hameed. Hal ini menyebabkan ketidaksempurnaan proses transkripsi rakaman temu bual kerana perbualan yang dirakam kadang-kadang tidak dapat didengari dengan jelas. Semua gangguan yang berlaku ketika sesi temu bual rakaman pada tarikh 24 November 2021 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 2:30 petang yang bertempat di Skyawani Residensi dikendalikan oleh Nur Atikah Fariza binti Jaafar, telah disenaraikan di bahagian Ralat.

Antara gangguan atau bunyi yang dihasilkan dan tidak dapat dielakkan adalah seperti berikut:

- Bunyi bayi menangis
- Bunyi guruh berdentum
- Bunyi notifikasi dari telefon bimbit
- Bunyi yang datang daripada kawasan pembinaan bangunan
- Bunyi azan berkumandang
- Bunyi pendingin udara
- Bunyi pintu
- Bunyi lalu lintas

GLOSARI

8.0 GLOSARI

Bando-bando	Aksesori yang digunakan di rambut atau disekeliling kepala dan dahu bagi menahan rambut agar tidak menghalangi wajah.
Bangle	Gelang tangan
BBNU	Bakat-bakat muda industri muzik tanahair yang menjadi penanda aras bagi generasi awal BBNU yang ingin kembali aktif dalam bidang muzik.
Bujang senang	Nama seekor buaya yang mendiami Sungai Batang Lupar di Sri Aman, Sarawak yang merupakan dari spesies <i>Crocodylus porosus</i> berukuran 20 kaki panjang yang mempunyai jalur putih di belakang badannya dan dikatakan berumur 50 tahun.
Coronavirus/Covid (CoV)	Sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan yang juga terdapat beberapa jenis seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV).
Dangdut	Salah satu genre muzik popular tradisional Indonesia yang khususnya memiliki unsur-unsur muzik Hindustani (India Utara), Melayu, dan Arab yang juga memiliki ciri khas pada dentuman tabla (alat muzik perkusi India) dan gendang.
Gamble	Melakukan sesuatu perbuatan dengan drastik tanpa betul-betul mempersiapkan diri.
Gegar Vaganza	Sebuah rancangan televisyen realiti muzik Malaysia terbitan Astro yang menyaksikan penyanyi profesional lama atau berpengalaman dalam industri muzik Malaysia bersaing dalam satu pertandingan nyanyian.
Kacuk peranakan	Turut dikenali sebagai Jawi Pekan merupakan kacukan Melayu dengan etnik India di bahagian utara iaitu Arab, Punjabi, Benggali, Turki, Parsi, Gujerat dan Afghani.

Kumpulan Kendedes	Kumpulan muzik dangdut Indonesia yang semua anggotanya adalah wanita pimpinan Titiiek Nur yang terkenal dengan lagu Resesi dan Problema Malam Minggu.
Pure	Tulen, bersih, tidak bercampur dengan yang lain.
Road Show	Persembahan dalam kunjungan
Royalty	Seperatusan jualan kasar atau bersih yang diperolehi daripada penggunaan aset atau harga tetap seunit barang yang dijual, tetapi ada juga kaedah dan metrik pampasan yang lain.
Tabla	Sejenis alat muzik dalam keluarga gendang yang mempunyai bingkai kayu dan bertutup dengan belulang pada satu bukaannya.
Triple/Double Platinum	"Going Gold" ialah istilah industri muzik untuk menjual 500,000 salinan album. "Going Platinum" bermakna album telah pergi ke langkah seterusnya, menggandakan jualan kepada 1 juta salinan.
Vocal Guide	Rakaman trek vokal awal yang dibuat oleh vokalis untuk rakaman multitrack yang bertindak sebagai panduan untuk pemuzik lain yang merakam bahagian mereka kemudiannya.
Slack	Merupakan suatu kesalahan didalam sesuatu perbuatan atau boleh dikatakan sebagai suatu kecuaiian dan kelalaian.

INDEKS

9.0 INDEKS

A	
Album	12, 13, 21, 24, 26, 28, 29, 41, 42, 43, 44, 45, 51, 52
Anak-anak	43, 48, 49, 50, 53
Angkat Kaki	12, 40, 44, 45, 60
Anugerah	26, 29, 51, 52
B	
Belajar	11, 12, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 36, 41, 54, 56, 57, 58, 59
Berjaya	14, 15, 20, 23, 35, 57, 58, 59
Bertanding	16, 17, 18, 33, 37, 38, 39, 54, 55
C	
Covid	48, 49, 50
D	
Dangdut	11, 12, 13, 16, 19, 20, 21, 23, 24, 26, 27, 28, 29, 35, 36, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 51, 52, 53
F	
Fans-fans	46, 52, 54
G	
Genre	25, 26, 27, 28, 54
I	
Indonesia	11, 20, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 44, 51

Industri	11, 20, 26, 27, 29, 34, 40, 41, 43, 44, 47, 53, 54, 55, 56, 57
K	
Kahwin	14, 47, 51, 58
Kampung	11, 14, 15, 18, 27, 28, 30, 40, 43, 46, 49, 50
L	
Lenggok	21, 23, 28, 29, 36, 39, 44
M	
Makan	27, 28, 34, 37, 47, 49, 50, 51, 55
Masa	11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 19, 21, 22, 23, 25, 26, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 36, 38, 40, 42, 43, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 55, 58, 59, 60
Menang	13, 16, 17, 30, 33, 34
Menyanyi	11, 14, 15, 19, 20, 21, 22, 24, 26, 27, 29, 31, 33, 35, 38, 39, 41, 48, 49, 54, 55, 59, 60
Minat	12, 13, 14, 15, 16, 19, 20, 28, 29, 30, 33, 42, 46, 48, 49, 52, 58, 59
Muzik	18, 20, 26, 27, 28, 43, 44, 53, 55, 56
O	
Off record	39, 50
P	
Penyanyi	14, 15, 18, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 34, 38, 39, 40, 41, 43, 44, 46, 47, 53, 55, 56, 57
Pop	18, 21, 27, 28, 39, 41, 42, 54
Promosi	42

R	
Rezeki	48, 50, 51
Rock	15, 18, 27, 28, 39, 40, 41, 42, 54
RTM	11, 12, 18, 19, 30
S	
Show	11, 13, 16, 19, 22, 24, 26, 27, 31, 33, 38, 41, 44, 45, 46, 50, 52, 53, 54
Single	12, 20, 21, 44, 45, 57
Suara	12, 15, 19, 20, 22, 28, 29, 38
T	
TV	25
V	
Veteren	11, 21, 24, 25, 26, 55, 56, 60
Y	
Youtube	20, 42, 52, 57
Z	
Zaman	13, 14, 16, 19, 21, 22, 26, 28, 29, 31, 32, 34, 42, 44, 47, 48, 51, 52, 58

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

- A. (2021). *MAKNA METODOLOGI PENYELIDIKAN (APA ITU, KONSEP DAN DEFINISI) - SAINS DAN KESIHATAN - 2021*. Encyclopedia Titanica. <https://ms.encyclopedia-titanica.com/significado-de-metodolog-de-la-investigaci-n>
- Ahmad Abd. Kadir. (1987). Sejarah Lisan satu kaedah penyelidikan sejarah, *Bulletin No:16*, 17-19.
- Amir Zayyanid. (2021, March 25). *MUSE – SEMBILAN DEWI PENGILHAM KARYA SENI DALAM MITOLOGI YUNANI*. Teratakkhanah.Blogspot. <https://teratakkhanah.blogspot.com/2021/03/muse-sembilan-dewi-pengilham-karya-seni.html>
- Bogdan, R. C & Biklen, S K. 1989. *Qualitative research in education: An Introduction to theory and method*. Boston: Allyn & Bacon Inc.
- M. (2013, February 6). Artis veteran perlu terus diberi peluang muncul di TV. *Perak Today*. <https://peraktoday.com.my/2013/02/artis-veteran-perlu-terus-diberi-peluang-muncul-di-tv/>
- Metodologi. (2007). In *Kamus Dewan Edisi Keempat*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=metodologi>
- Muhd. Yusof Ibrahim, Ilmu Sejarah Falsafah, Pengertian, dan Kaedah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Muhd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Haji Yahaya. (1988). *Sejarawan dan pensejarahan: ketokohan dan karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 18.
- Nadia Azam. (2018, June 7). “Artis otai atau legenda OK, veteran tak mau.” *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/428802>

- Nadzan Haron, (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, (09), pp. 44-58.
- Nazar Rafiqhi. (2019, November 22). “Jangan Bunuh Bakat Kami,” – Giliran Edika Yusof Komen Isu Solek Pelakon Muda Jadi Tua. *Media Hiburan*. <https://www.mediahiburan.my/jangan-bunuh-bakat-kami-giliran-edika-yusof-komen-isu-solek-pelakon-muda-jadi-tua/>
- Rozeman Abu Hassan. (2004). *Mengenali dan mentafsir sumber-sumber sejarah*. Shah Alam: Karisma Pub., pp. 148-191.
- Ridzuan Abdul Rahman. (2019, November 21). Beri peluang sama rata pelakon baru, lama. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2019/11/519429/beri-peluang-sama-rata-pelakon-baru-lama>
- Serimah Mohd Sallehuddin. (2020, August 11). Muzik di Malaysia makin mundur. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/08/719959/muzik-di-malaysia-makin-mundur>
- Siti Roudhah Mohamad Saad, et al., “Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan”, *Jurnal PPM*, Vol. 16, Oktober 2012.
- Starr, L. (1984). Oral History. In D. K. B. Dunaway, Willa K. (Ed.), *Oral History: An Interdisciplinary Anthology* (pp. 40). London: Altamira Press.
- Tzanetakis, G. & Cook, P., 2002. Musical Genre Classification of Audio Signals. *IEEE Transactions on Speech and Audio Processing*, 10(5), pp. 293-302.
- Veteran. (2018). In *Kamus Besar*. <https://www.kamusbesar.com/veteran>

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 BIOGRAFI TOKOH



Puan Sayyida Beevi M. Shahul Hameed lahir di Tumpat, Kelantan 21 Januari 1963. Merupakan ibu kepada Nor Razlinda binti Razli dan kakak kepada pelakon Norseha Hameed. sinonim dengan gelaran Diva Dangdut Malaysia oleh peminat-peminatnya, SheedaDanz.

Perjalanan karier beliau mula komersial dan popular pada pertengahan era 90an di Malaysia. Minat yang mendalam terhadap bidang nyanyian di mulai sejak bangku sekolah apabila beliau mula minat untuk menulis lirik lagu dan memasuki pertandingan nyanyian yang dianjurkan oleh sekolah. politik Moh Hatta di mulai sejak bangku perkuliahan. Pada tahun 2015, beliau telah menyertai program realiti *Gegar Vaganza Musim Ke-2* dan pada tahun berikutnya beliau telah dilantik sebagai Timbalan Presiden Persatuan Bintang Dangdut Malaysia

Dari tahun 1988 hingga 2014 beliau telah memiliki 14 buah album yang datangnya daripada album studio, kerjasama dan kompilasi. Dengan album yang diterbitkan beliau telah meraih anugerah platinum album 'Angkat Kaki' yang terjual lebih 100.000-unit, double platinum menerusi album kompilasi 'Puteri Dangdut' pada tahun 1999 dan hadiah triple platinum untuk album kompilasi 'Dang Dang Dut' pada tahun 1998 yang terjual sebanyak 450.000.00 unit. Beliau juga turut memenangi Anugerah Industri Muzik (AIM) pada tahun 1996 iaitu bagi kategori artis baru wanita terbaik di tempat ke-5 dan album pop tradisional terbaik menerusi album angkat kaki. Tidak dilupakan juga beliau turut memenangi anugerah di Muzik-Muzik TV3 iaitu separuh akhir muzik-muzik menerusi lagu angkat kaki dan separuh akhir muzik-muzik 11 menerusi dua buah lagu iaitu 'Sini Cinta Sana Cinta' (duet bersama Amelina) dan juga 'Buaya Darat'.

Puan Sayyida Beevi M. Shahul Hameed juga telah menyertai dua buah syarikat rakaman Warnada Record pada tahun 1988 dan Warner Music (Malaysia) Sdn. Bhd pada tahun 1996 dan 1997 sebelum memiliki Sheeda Entertainment hingga kini bagi menguruskan hal-hal

berkaitan industri muzik yang diceburi beliau. Beliau juga amat terkenal dengan genre dangdut dan pop serta pernah menyertai Konsert Gegar Vaganza. Walaubagaimanapun beliau tersingkir di minggu keempat. Pada minggu kesembilan Gegar Vaganza, Puan Sayyida Beevi bersama salah seorang bekas peserta program tersebut iaitu Azian Mazwan Sapuan telah membuat persembahan khas di malam konsert akhir Gegar Vaganza. Walau sudah tersingkir beliau masih lagi aktif membuat persembahan di luar selagi mana ada permintaan yang menginginkan beliau menyanyi. Tamabahan lagi, walau diuji dengan pandemik yang membawa sedikit kesukaran untuk beliau mencari makan tetapi beliau tetap mencari solusi yang terbaik seperti membuka tempahan makanan, membuat ulasan produk bagi menyambung kelangsungan hidupnya dan anak-anak beliau.

Ia kini meneruskan kehidupannya dengan lebih banyak melakukan persembahan amal bersama agensi-agensi dan badan persendirian yang selalu melakukan charity untuk diagih-agihkan kepada orang yang memerlukan. Dan kedepannya beliau mengharapkan industri muzik tidak lagi berat sebelah yang hanya memandang rupa dan bukan bakat yang dipertandingkan.

11.2 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya SHARDA BT. HAMID K/P: 630101035080 pada
dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.



(Nama tokoh)
Tarikh:



(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.3 SENARAI SOALAN

SOALAN TEMU BUAL SAYYIDA BEEVI BINTI M. SHAHUL HAMEED (SHEEDA)

SOALAN ORIENTASI

BOLEHKAH PUAN MENCERITAKAN LATAR BELAKANG PUAN?

Latar Belakang Diri

BOLEHKAH PUAN MENCERITAKAN LATAR BELAKANG DIRI PUAN?

1. Apakah nama penuh puan?
2. Apakah nama panggilan puan?
3. Berapakah umur puan sekarang?
4. Dimanakah tempat tinggal puan?
5. Bilakah puan dilahirkan?
6. Dimanakah puan dilahirkan?
7. Bilakah tarikh puan dilahirkan?
8. Puan anak ke berapa dari berapa orang adik-beradik?
9. Apakah hobi puan pada masa lapang?

Latar Belakang Keluarga

BOLEHKAH PUAN MENCERITAKAN LATAR BELAKANG KELUARGA PUAN?

1. Siapakah nama ayah dan ibu puan?
2. Apakah pekerjaan ibubapa puan?
3. Berapakah bilangan anak puan?
4. Adakah anak puan masih belajar?

Latar Belakang Pendidikan

BOLEHKAH PUAN MENCERITAKAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN PUAN?

1. Dimanakah puan mendapatkan pendidikan sekolah rendah?
2. Dimanakah puan mendapatkan pendidikan sekolah menengah?
3. Pernahkah puan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?
4. Adakah puan terlibat dalam mana-mana persatuan atau sukan?
 - a. Pernahkah puan memenangi anugerah dalam apa-apa aktiviti?
5. Pernahkah puan terlibat dalam mana-mana aktiviti nyanyian di sekolah?
 - a. Pernahkah puan memenangi anugerah dalam apa-apa pertandingan nyanyian?

SOALAN UMUM

Idola

BOLEHKAH PUAN CERITAKAN SERBA SEDIKIT TENTANG IDOLA PUAN DALAM BIDANG NYANYIAN?

1. Siapakah idola puan minati?
2. Sejak bilakah puan mengidolakan beliau?
3. Menagapakah puan mengidolakan beliau?

4. Bagaimanakah idola puan menjadi pendorong puan dalam bidang nyanyian?

Pendapat

APAKAH PENDAPAT PUAN TENTANG INDUSTRI NYANYIAN ?

1. Apakah Pendapat Puan Mengenai Penyanyi Veteran Dan Milenium Sekarang?
2. Adakah terdapat perbezaan dari segi kualiti nyanyian antara penyanyi dahulu dan sekarang?
3. Apakah pendapat puan mengenai pemakaian penyanyi dahulu dan sekarang?
4. Apakah pendapat puan tentang sikap dan disiplin penyanyi dahulu dan sekarang?
5. Bagaimanakah bayaran penyanyi dahulu dan sekarang?

APAKAH PENDAPAT PUAN TENTANG ARTIS VETERAN PADA MASA KINI?

1. Bagaimana penerimaan masyarakat terhadap artis veteran?
 - a. Mengapakah puan berkata sedemikian?
2. Adakah artis veteran kurang mendapat perhatian daripada pihak penerbitan atau industri seni?
 - a. Mengapakah puan berasa begitu?
3. Mengapa artis veteran sudah kurang siaran dalam stesyen televisyen dan radio?

Genre/irama Muzik

APAKAH PANDANGAN PUAN MENGENAI IRAMA ATAU GENRE MUZIK DANGDUT DAHULU DENGAN SEKARANG?

1. Adakah terdapat apa-apa perbezaan terhadap penyampain irama dangdut ini ketika dahulu berbanding sekarang?
 - a. Mengapakah puan berpendapat sedemikian?
2. Bolehkah puan ceritakan serba sedikit mengenai irama dangdut?
 - a. Apakah erti dangdut bagi puan?
 - b. Mengapakah puan berasa irama ini dekat dengan diri puan?
 - c. Siapakah yang menyakinkan puan untuk memilih irama ini?

SOALAN SPESIFIK

Pilihan kerjaya

BOLEHKAH PUAN KONGSIKAN BERSAMA KAMI BAGAIMANA PUAN TERLIBAT DALAM INDUSTRI MUZIK?

1. Bila puan mula menceburkan diri dalam nyanyian?
2. Bagaimana puan boleh terlibat dalam nyanyian?
 - a. Dimanakah permulaan kerjaya puan sebagai penyanyi?
 - b. Apakah genre yang dibawakan oleh puan pada ketika itu?
3. Siapakah yang memainkan peranan besar membawa puan dalam bidang nyanyian?

Ujibakat

BOLEHKAH PUAN KONGSIKAN SEDIKIT TENTANG UJIBAKAT YANG PERNAH PUAN SERTAI?

1. Apakah nama ujibakat yang puan sertai?
2. Bilakah ujibakat itu diadakan?

3. Dimanakah ujibakat tersebut berlangsung?
4. Apakah perasaan puan pada masa itu?
5. Siapakah juri yang terlibat pada masa itu?

Pengalaman Awal

BOLEHKAH PUAN CERITAKAN PENGALAMN AWAL PUAN SEBAGAI SEORANG PENYANYI?

1. Adakah puan memulakan karier sebagai penyanyi solo atau berkumpulan? [SOLO]
 - a. Bilakah puan memulakan karier puan sebagai penyanyi?
 - b. Boleh puan ceritakan sedikit mengenai karier puan sebagai penyanyi solo pada masa itu?
 - c. Berapakah lagu yang terhasil ketika menjadi penyanyi solo?
2. Apakah lagu pertama yang puan nyanyikan semasa karier awal puan sebagai seorang penyanyi?
 - a. Bolehkah puan kongsi maksud tersirat dalam lagu tersebut?
 - b. Apakah genre lagu tersebut?
 - c. Bagaimana penerimaan masyarakat pada masa itu?
3. Apakah syarikat rakaman yang pertama puan berkolaborasi bersama?
 - a. Berapa lamakah puan berkolaborasi bersama syarikat rakaman tersebut?
 - b. Dimanakah lokasi syarikat rakaman tersebut?
 - c. Boleh puan kongsi pengalaman pertama puan semasa di syarikat rakaman?
 - d. Adakah terdapat perbezaan syarikat rakaman dahulu dan sekarang?

Tawaran lain

ADAKAH PUAN PERNAH DITAWARKAN PEKERJAAN DALAM BIDANG SENI?

1. Adakah puan pernah ditawarkan menjadi seorang penyanyi?
2. Berapa kalikah puan ditawarkan untuk menjadi seorang penyanyi? (3 kali)
 - a. Siapakah yang menawarkan peluang untuk menjadi seorang penyanyi kepada puan?
 - b. Bilakah puan ditawarkan untuk menjadi seorang penyanyi?
 - c. Dimanakah puan ditawarkan untuk menjadi seorang penyanyi?
 - d. Tawaran manakah yang menjadi pilihan puan ketika itu?
 - i. Genre apakah yang ditawarkan beliau kepada puan ketika itu?

Album

BOLEHKAH PUAN CERITAKAN TENTANG PEMBUATAN ALBUM SEPANJANG BERGIAT DALAM INDUSTRI MUZIK INI?

1. Berapakah album yang pernah puan keluarkan sepanjang puan bergelar seorang penyanyi?
 - a. Album yang manakah telah mendapat sambutan hangat daripada pendengar?
 - b. Apakah tajuk 1st album yang puan keluarkan?
 - i. Siapah yang terlibat dalam pembikinan album tersebut?
 - ii. Album tersebut berkisahkan tentang apa?
 - c. Apakah album yang seringkali menjadi pilihan puan ketika membuat persembahan?

- d. Album yang manakah telah memberi impak pada puan sepanjang mengeluarkan album?
 - i. Apakah tajuk album tersebut?
 - ii. Mengapakah album tersebut memberi kesan yang mendalam pada diri puan?
 - iii. Apakah kisah disebalik album tersebut sehingga puan berasa terkesan?

Kenangan Manis

APAKAH KENANGAN MANIS YANG PUAN TIDAK DAPAT LUPAKAN SEHINGGA KINI SEPANJANG BERGELAR PENYANYI?

1. Adakah puan mempunyai kenangan manis sepanjang menceburi bidang nyanyian ini?
 - a. Kenangan manis yang masih segar di ingatan puan selama berkecimpung dalam industri muzik ini?
 - b. Kenangan manis puan bersama-sama rakan penyanyi yang pernah puan kolaborasi yang tidak puan lupakan?
 - c. Kenangan manis puan bersama komposer lagu yang pernah puan kerjasama yang tidak pernah puan lupakan?

Kenangan Pahit

APAKAH KENANGAN PAHIT YANG PUAN TIDAK DAPAT LUPAKAN SEHINGGA KINI SEPANJANG BERGELAR PENYANYI?

1. Apakah kenangan pahit yang paling tidak boleh puan lupakan sepanjang menceburi bidang nyanyian ini?
 - a. Liku-liku kehidupan puan yang puan tidak lupakan selama berkecimpung dalam industri muzik ini?
 - b. Kenangan pahit puan bersama-sama rakan penyanyi yang pernah puan berkolaborasi?
 - c. Kenangan pahit puan bersama-sama komposer lagu yang pernah puan kerjasama?

Perkembangan

BOLEHKAH PUAN KONGSIKAN PERKEMBANGAN PUAN KETIKA INI?

1. Apakah perkembangan karier puan dalam industri muzik ketika ini?
2. Selain menyanyi, adakah puan mempunyai penglibatan lain dalam bidang seni?
3. Apakah kesan pandemik covid-19 terhadap puan?

Kerjaya lain

APAKAH KERJAYA LAIN YANG PUAN CEBURI SELAIN DARIPADA BIDANG NYANYIAN?

1. Selain menyanyi, apakah punca rezeki puan yang bukan melibatkan seni?
2. Bagaimanakah teretusnya idea untuk memilih kerjaya tersebut?
3. Mengapakah puan memilih perniagaan tersebut?
4. Sejauhmanakah perniagaan tersebut membantu dalam kehidupan puan?

Anugerah/pengiktirafan

BOLEHKAH PUAN BERKONGSI SERBA SEDIKIT TENTANG ANUGERAH YANG PERNAH PUAN PEROLEHI?

1. Apakah anugerah yang pernah puan raih sepanjang menceburi bidang nyanyian ini?
 - a. Anugerah yang manakah memberi impak dalam diri puan sepanjang berkecimpung dalam industri muzik ini?
 - b. Mengapakah anugerah tersebut sangat bermakna dalam hidup puan?
2. Apakah pencapaian terbaik yang pernah dinobatkan kepada puan dalam karier nyanyian ini?
3. Adakah apa-apa pengiktirafan yang diterima oleh puan yang masih membuatkan puan ingati sehingga kini?

Sumbangan

SEPANJANG MENJADI SEORANG PENYANYI, APAKAH SUMBANGAN YANG PERNAH PUAN BERIKAN KEPADA INDUSTRI MUZIK INI?

1. Apakah sumbangan yang pernah puan berikan dalam industri seni?
2. Apakah sumbangan yang pernah puan berikan kepada masyarakat?

Harapan

BOLEHKAH PUAN BERKONGSI SERBA SEDIKIT HARAPAN PUAN UNTUK KEDEPANNYA?

1. Adakah genre/irama yang puan impikan yang masih belum tercapai?
2. Apakah menjadi harapan puan dalam industri muzik hari ini?
3. Apakah perancangan puan untuk masa hadapan dalam industri muzik ini?

Nasihat

APAKAH NASIHAT PUAN TERHADAP MEEKA YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI MUZIK?

1. Apakah nasihat puan terhadap penyanyi pada era kini?
2. Apakah nasihat puan terhadap mereka yang ingin menceburi dalam bidang industri muzik?
3. Apakah nasihat puan kepada rakan artis puan yang masih berada di dalam industri muzik ini?

11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
10 Oct2021 Ahad	1415 Telegram	<p>Kami telah diberi dokumen yang berisi tarikh-tarikh penting berkaitan sejarah lisan ini oleh Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin.</p> <p>Tema yang ditetapkan adalah artis (pelakon veteran atau penyanyi) pada era 60, 70 dan 80-an.</p> <p>Membuat pemilihan rakan untuk melakukan tugas kerana tugas ini adalah secara berpasangan.</p> <p>Shahira Sharom bersetuju untuk menjadi rakan tugas sejarah lisan ini.</p>
10 Oct2021 Ahad	1435 – 1811 Telegram, Google Meet & WhatsApp	<p>Kami telah diberikan penerangan secara lebih terperinci mengenai tugas sejarah lisan ini oleh Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin.</p> <p>Terdapat penukaran terhadap rakan tugas dan kecelaruan dalam pemilihan tetapi akhirnya Ruzana Mokhtar bersetuju untuk bersama-sama menyiapkan tugas ini.</p> <p>Bermulanya pemilihan artis dan menyenarai pendek nama-nama artis veteran yang dijumpai melalui pencarian Google.</p> <p>Pada mulanya memilih Imuda tetapi tukar kepada Noraniza Idris kerana merasakan beliau lebih sesuai untuk menjadi tokoh bagi sejarah lisan ini.</p>
13 Oct2021 Rabu	0807 - 2043	<p>Kami diberi arahan untuk berhubung secara lisan bersama tokoh yang dipilih bagi mendapatkan</p>

	Telegram, Google Meet & WhatsApp	<p>persetujuan untuk ditemubual bagi tugas sejarah lisan ini.</p> <p>Fariza dan Ruzana berbincang untuk mendekati penyanyi veteran tersebut menerusi pengurusnya. Setelah berbincang Ruzana memutuskan untuk <i>WhatsApp</i> terlebih dahulu bagi meminta izin sebelum membuat panggilan.</p> <p>Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin juga telah berkongsi templat proposal yang boleh menjadi rujukan kami ketika menyiapkan proposal sejarah lisan.</p>
14 Oct2021 Khamis	0933 - 1954 WhatsApp & Telegram	<p>Fariza menanyakan kemajuan tugas bagi mendekati pengurus Noraniza Idris kepada Ruzana. Setelah menghubunginya pihak beliau meminta sedikit masa untuk menyatakan persetujuan penuh kerana jadual tokoh yang agak padat ketika itu.</p> <p>Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kemudiannya mengingatkan kami sekali lagi mengenai tarikh-tarikh penting yang perlu kami beri perhatian dalam menyiapkan tugas ini.</p> <p>Kami meneruskan pencarian maklumat mengenai tokoh serta artis-artis veteran yang lain untuk dijadikan sandaran.</p>
15 Oct2021 Jumaat	1720 – 1837 WhatsApp	<p>Pengurus Noraniza Idris telah menyatakan persetujuan penuh dengan meletakkan syarat untuk berjumpa secara bersemuka semasa temubual dijalankan.</p>

		<p>Beliau juga inginkan penerangan lebih lanjut mengenai kaitan kajian kami dengan artis beliau serta sama ada temubual akan dijalankan secara rakaman atau penulisan. Oleh itu, kami memberikan penerangan yang diminta dengan lebih terperinci.</p>
<p>16 Oct2021 Sabtu</p>	<p>1334 – 2215 WhatsApp</p>	<p>Kami meneruskan perbincangan mengenai tokoh yang dipilih serta mencari maklumat menerusi platform Google, Instagram, Blog-blog dan Facebook.</p> <p>Kami juga diberitahu oleh pengurus Noraniza Idris yang beliau agak sibuk ketika itu dan berkemungkinan bulan November barulah jadual beliau tidak padat dan boleh ditemubual oleh kami.</p>
<p>17 Oct2021 Ahad</p>	<p>1250 – 1957 WhatsApp & Telegram</p>	<p>Ruzana memberi kemajuan yang baik daripada pengurus Noraniza Idris bahawa pihak mereka bersetuju.</p> <p>Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin berkongsi cara membuat kajian literatur yang terbaik untuk kami buat sebagai rujukan ketika membuat proposal.</p> <p>Kami memberikan tugas secara adil untuk menyiapkan proposal berkaitan tokoh dan sejarah lisan ini.</p>
<p>18 Oct2021 Isnin</p>	<p>1805 – 2115 Kolej Mutiara & WhatsApp</p>	<p>Berbincang mengenai tokoh yang dipilih untuk ditimbang tara semula kesibukan tokoh serta tugas yang perlu disiapkan mengikut tarikh tertentu.</p> <p>Bertanyakan secara baik kepada pengurus Noraniza Idris tarikh yang boleh kami bertemu secara bersemuka bagi mengadakan sesi suai kenal sebelum bertemu sekali lagi bagi sesi temubual yang sebenar.</p>

20 Oct2021 Rabu	1008 Google Meet, Telegram & WhatsApp	Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin menerangkan serta mengajar kami untuk membuat bentuk-bentuk soalan yang akan digunapakai sepanjang sesi temubual nanti.
23 & 24 Oct2021 Sabtu & Ahad	2222 – 2034 WhatsApp	Fariza telah mendapatkan perundingan penuh tentang bagaimana cara yang betul untuk menulis proposal bersama Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin. Berbincang mengenai cara pembuatan proposal dan tokoh yang dipilih kerana merasai keterbatasan waktu untuk membuat susulan lanjut bersama Noraniza Idris dan pengurusnya serta atas nasihat Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin untuk menimbang tara kembali keputusan kami bagi memilih artis veteran ini.
26 Oct2021 Selasa	2039 WhatsApp	Fariza telah membuat penukaran tokoh bagi sejarah lisan ini atas bantuan Shahira Sharom iaitu kepada Sheeda Hamid dan beliau terus bersetuju serta telah siap memberikan tarikh yang tetap untuk kami temubual beliau pada 24 Nov2021.
27 Oct2021 Rabu	1445 Telegram	Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin telah berkongsi skrip pembukaan dan penutup untuk digunakan ketika temubual dijalankan nanti serta surat perjanjian yang perlu ditanda tangani oleh tokoh kelak.
1 Nov2021 Isnin	2230 WhatsApp Video Call	Sesi suai kenal telah dijalankan oleh Fariza bersama Sheeda Hamid untuk menerangkan secara terperinci berkaitan kajian yang dijalankan dan bagi mendapatkan persetujuan waktu, tarikh dan tempat untuk sesi temubual yang akan dijalankan kelak.
14 Nov2021 Ahad	1500 BK2 & Ufuture	Penghantaran proposal penuh ke dalam Ufuture oleh Fariza dan pembetulan proposal yang dilakukan oleh Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin bagi persediaan untuk dibetulkan ketika membuat journal kelak.

		Pembetulan bentuk-bentuk soalan yang akan diajukan ketika sesi temubual kelak.
15 Nov 2021 Isnin	1716 WhatsApp	<p>Pencarian lokasi oleh Fariza bagi menempatkan tokoh dalam keadaan selesa serta membuat susulan secara terperinci kepada tokoh dan rakan tugas bagi menyempurnakan perjalanan temubual yang akan dijalankan kelak.</p> <p>Menyiapkan segala surat-menyurat dan peralatan untuk diguna pakai semasa sesi temubual nanti.</p>
18 Nov2021 Khamis	1621 Ufuture	Penghantaran soalan-soalan temubual yang akan diguna pakai untuk sesi temubual bersama tokoh di dalam Ufuture oleh Fariza.
22 Nov2021 Isnin	2103 WhatsApp & SkyAwani Residensi	<p>Menanyakan tentang susulan peralatan yang akan dibawa kepada Ruzana supaya dalam keadaan yang baik.</p> <p>Mencari segala jenis juadah dan cenderamata yang boleh diberi kepada tokoh sebagai suatu penghargaan kerana sudi di temubual oleh kami.</p> <p>Membuat segala susulan tempat, masa dan tarikh sekali lagi kepada tokoh dan rakan tugas sebelum hari kejadian untuk memastikan hari kejadian berjalan dengan lancar.</p>
24 Nov2021 Rabu	1430 SkyAwani Residensi	<p>Sesi temubual bersama Sheeda Hamid telah berlangsung yang dikendalikan oleh Fariza dan Ruzana berjalan dengan lancar dan segala peralatan yang digunakan berfungsi dengan baik.</p> <p>Tokoh, Sheeda Hamid berkongsi pelbagai kisah beliau sepanjang berkecimpung dalam industri seni ini dengan sangat terperinci kecuali untuk hal-hal yang</p>

		tidak ingin beliau perkatakan terutamanya mengenai keluarga beliau.
28 Nov2021 Ahad	1400 Kolej Mutiara	Fariza mula menyusun video daripada sesi temubual yang dijalankan dan mula menyunting video dan cuba untuk memotong ralat yang tidak diperlukan di dalam video tersebut.
5 Dec2021 Ahad	1500 BK2	Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin menerangkan semula cara yang betul bagi membuat penulisan transkripsi. Fariza mula menulis transkripsi di minit-minit yang terawal.
13 Dec2021 Isnin	2218 Telegram	Fariza membuat transkripsi penuh dan menyiapkan segala tugas berkaitan transkripsi yang akan dihantar kelak.

11.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN



Rajah 1: Album pertama Angkat Kaki



Rajah 2: Album kedua Ronggeng



Rajah 3: Album Puteri Dangdut



Rajah 4: Album Semarak Dangdut



Rajah 5: Album Dang Dang Dut



Rajah 6: Lagu Rock Duet Bersama Erie



Rajah 7: Keratan Akhbar Tokoh Pertama Kali Menjadi Recording Artist



Rajah 8: Tokoh di Pentas Gegar Vaganza



Rajah 9: Sesi Temubual Bersama Puan Sayyida Beevi M.Shahul Hameed